



# PENDIDIKAN **SENI VISUAL**

## PENDIDIKAN KHAS

TINGKATAN **5**





# **RUKUN NEGARA**

**Bahwasanya Negara Kita Malaysia**  
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**  
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**  
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**  
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**  
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

# PENDIDIKAN SENI VISUAL

PENDIDIKAN KHAS

## TINGKATAN 5

### PENULIS

Mohd Reduan bin Daud  
Abdul Raoof bin Ali

### EDITOR

Siti Raihana binti Mazlan

### PEREKA BENTUK

Qamarul bin Haliap

### ILUSTRATOR

Mohd Nazim bin Udin



aras mega (m) sdn bhd  
(164242-W)

2020



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0141

KPM2020 ISBN 978-967-2448-75-4

Cetakan Pertama 2020

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula maupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd (I64242-W)  
No. 18 & 20, Jalan Damai 2,  
Taman Desa Damai, Sungai Merab,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8925 8975

Faks: 03-8925 8985

Laman Web: [www.arasmega.com](http://www.arasmega.com)

E-mel: [amsb@arasmega.com](mailto:amsb@arasmega.com)

Reka Letak dan Atur Huruf:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim

Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:

ARIF CORPORATION SDN. BHD  
No. 42, Jalan Pengasah 15/13,  
Seksyen 15, 40200 Shah Alam,  
Selangor.

Tel: 03-55137244

Faks: 03-55111510

E-mel: [admin@arifcorp.com.my](mailto:admin@arifcorp.com.my)

# PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat,  
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan  
Pruf Muka Surat,  
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan  
Naskhah Sedia Kamera,  
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber  
dan Teknologi Pendidikan.
- Pegawai-pegawai Bahagian Pembangunan  
Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pejabat Pendidikan Daerah Pekan.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Kelas Pendidikan Khas Pembelajaran  
SMK Paloh Hinai, Pekan, Pahang.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu,  
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- SMK LKTP Kg Awah, 28030 Temerloh.
- Azydar Enterprise.
- Balai Seni Lukis Negara.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

# Kandungan

Pendahuluan	v
Pengenalan	vii
<b>Modul 1</b>	
<b>Sejarah dan Apresiasi Seni Visual</b>	1
Unit I: Perkembangan Seni di Malaysia	2
<b>Modul 2</b>	
<b>Bahasa Seni Visual (Asas Seni Reka)</b>	45
Unit I: Pengkaryaan dan Pereaakan	46
<b>Modul 3</b>	
<b>Seni Halus</b>	65
Unit I: Catan	66
Unit 2: Arca	82
<b>Modul 4</b>	
<b>Komunikasi Visual</b>	95
Unit I: Multimedia	96

**Modul 5****Reka Bentuk**

|21

Unit I: Reka Bentuk Persekutaran |22

**Modul 6****Kraf Tradisional dan Dimensi Baharu**

|41

Unit I: Ukiran Kayu |42  
Unit 2: Seni Tekat |60**Modul 7****Folio Seni Kreatif**

|77

Unit I: Folio Reka Bentuk |78

Glosari |81

Senarai Rujukan |83

# Pendahuluan

**Pendidikan Seni Visual Pendidikan Khas Tingkatan 5** ini merupakan buku teks yang dihasilkan berdasarkan keperluan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual Tingkatan 5 Pendidikan Khas yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kandungan buku ini meliputi tujuh modul, iaitu:

- Modul 1 : Sejarah dan Apresiasi Visual
- Modul 2: Bahasa Seni Visual (Asas Seni Reka)
- Modul 3: Seni Halus
- Modul 4: Komunikasi Visual
- Modul 5: Reka Bentuk
- Modul 6: Kraf Tradisional dan Dimensi Baharu
- Modul 7: Folio Seni Kreatif

Buku ini menerapkan pelbagai pendekatan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan semasa menerusi Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Antaranya seperti Nilai Murni, Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan dan Teknologi Maklumat serta Komunikasi.

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam KSSMPK bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual mengutamakan pembelajaran secara inkuiri yang berasaskan projek. Murid didedahkan dengan aktiviti eksperimentasi media dan teknik bagi pengukuhan pemahaman khususnya terhadap aspek bahasa seni visual. Di samping itu, pengetahuan seni visual yang dipelajari disesuaikan dan diaplikasikan dalam kehidupan, masyarakat dan alam sekitar.

Buku ini disediakan sebagai panduan Murid Berkeperluan Khas (MBK). Guru boleh mengubah suai atau menambah baik modul yang bersesuaian mengikut keperluan MBK.

Diharapkan semoga segala idea dan buah fikiran yang diadun dapat membantu mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan murid yang berupaya mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta secara kreatif dan inovatif seiring dengan Kemahiran Abad Ke-21.


# Penerangan Ikon

Ikon-ikon yang terdapat dalam buku ini adalah seperti berikut:

 <b>UNIT 1</b>	<b>Unit</b> Menunjukkan permulaan unit.	 <b>Tip Keusahawanan</b> Menjana pendapatan sampingan kepada murid untuk memacu idea kepasaran.
 <b>KBAT</b> Mengemukakan soalan yang dapat mencetuskan kemahiran berfikir aras tinggi murid.	 <b>Latihan</b> Disediakan bagi menguji kefahaman murid.	
 <b>Info</b> Memuatkan maklumat tambahan berkaitan topik.	 <b>Aplikasi Seni</b> Murid menjalankan aktiviti pembelajaran	
 <b>Ingat</b> Memberikan perhatian kepada murid terhadap aspek kebersihan dan keselamatan.	 <b>Rumusan</b> Refleksi isi pembelajaran.	
 <b>Aktiviti Berkumpulan</b> Aktiviti yang dilakukan secara berpasangan dan berkumpulan.	 <b>Kod QR</b> Kod QR boleh diimbas menggunakan telefon pintar atau tablet untuk mendapatkan maklumat. <small>▲ Sila imbas</small>	

## NOTA GURU

Memberikan panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti atau mencadangkan aktiviti tambahan lain yang boleh dilaksanakan oleh murid.



# Pengenalan

Kandungan buku ini meliputi tajuk-tajuk seperti Sejarah dan Apresiasi Seni Visual, Bahasa Seni Visual (Asas Seni Reka), Seni Halus, Komunikasi Visual, Reka Bentuk, Kraf Tradisional dan Dimensi Baharu dan Folio Seni Kreatif.

Sejarah dan Apresiasi Seni Visual memperkenalkan Perkembangan Seni di Malaysia, manakala Bahasa Seni Visual (Asas Seni Reka) memfokuskan kepada Pengkaryaan dan Pereaakan. Seni Halus pula mencakupi dua tajuk, iaitu seni Catan dan seni Arca.

Komunikasi Visual memfokuskan kepada Multimedia, manakala Reka Bentuk menerangkan Reka Bentuk Persekutaran. Kraf Tradisional dan Dimensi Baharu terdiri daripada Ukiran Kayu dan Seni Tekat. Folio Seni Kreatif pula ialah proses penghasilan Folio Reka Bentuk.



# Modul 1

# SEJARAH DAN APRESIASI SENI VISUAL

## 1.1 PERKEMBANGAN SENI DI MALAYSIA

### Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 1.1.1 Mengenal artis dan tokoh seni di Malaysia.
- 1.1.2 Menyatakan seni budaya lain.
- 1.1.3 Menerangkan tokoh kraf di Malaysia.
- 1.1.4 Menjelaskan seni peribumi.



Shaq Koyok  
*Embrace*  
Akrilik di atas tikar mengkuang  
2018

Syed Ahmad Jamal  
*Umpang*  
1959  
Akrilik



Topeng Mah Meri

## Perkembangan Seni di Malaysia

Seni ialah pengamatan dan kebolehan mencipta sesuatu seperti lukisan, catan, ukiran, kraf dan sebagainya untuk diamati dan dihargai oleh masyarakat dan menjadi warisan budaya negara. Seni yang diamalkan dan diwarisi sehingga hari ini meliputi seni visual, seni muzik, seni tarian, seni teater dan seni kraf.

Bidang seni ini memainkan peranan penting kepada masyarakat Malaysia yang mempunyai kepelbagaian masyarakat dari segi kaum dan identiti etnik. Kita dapat melihat perbezaan individu dalam banyak aspek seperti agama, pekerjaan, bahasa dan politik. Hal ini akan mencorak kepelbagaian seni dan budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, etnik Sabah dan Sarawak terus berinteraksi serta berkongsi pola kesenian dan kebudayaan mereka. Namun mereka harus berpegang kepada prinsip mempertahankan seni dan budaya masing-masing.

Seni yang wujud dalam kalangan kaum dan etnik di Malaysia ialah hasil daripada asimilasi pelbagai kaum. Diharapkan kepelbagaian seni yang terdapat di Malaysia dapat dikekalkan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat dicapai.

### Tokoh Seni

Terdapat ramai artis dan tokoh seni di Malaysia. Pemilihan artis dan tokoh seni ini dapat memberikan gambaran tentang peranan mereka dalam memajukan seni tanah air mengikut aliran masing-masing. Terdapat tujuh artis dan tokoh seni yang dibincangkan, iaitu Syed Ahmal Jamal, Mohamad Hoessein Enas, Yong Mun Sen, Haron Mokhtar, Zulkifli Yusoff, Shaq Koyok dan Ali Nurazmal Yusoff.


Tokoh ialah penghormatan atau pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia kepada seseorang yang berpengetahuan dan mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang seni.

Selain itu, pengiktirafan tokoh juga dilihat dari segi komitmen yang tinggi dalam memulihara, memelihara dan memartabatkan seni di negara ini. Seseorang tokoh juga menjadi contoh ikutan kepada pelapis muda yang lain dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang serta mengambil berat tentang hal masyarakat setempat.


## Syed Ahmad Jamal

Syed Ahmad Jamal dilahirkan di Muar, Johor pada tahun 1929. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Tambatan Rendah pada tahun 1936 hingga 1938. Kemudian, beliau melanjutkan pendidikan menengah di Sekolah Tambatan Tinggi pada tahun 1939 dan Ngee Heng English School pada tahun 1940. Seterusnya, beliau menyambung pelajaran di Bukit Zahra English School dan English College, Johor Bahru, Johor hingga tahun 1949.

Beliau mendapat pendidikan secara formal dalam bidang pendidikan seni visual di England dan Amerika Syarikat. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai pensyarah dan pengetua di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur dan Pengarah Balai Seni Lukis Negara. Penglibatan dan sumbangan beliau dalam bidang seni tanah air telah diiktiraf oleh kerajaan dengan penganugerahan Anugerah Seniman Malaysia. Beliau merupakan pelopor aliran abstrak ekspresionisme.



Syed Ahmad Jamal  
*Umpam*  
1959  
Akrilik



Syed Ahmad Jamal  
*Kampung Sungai Cincin*  
1962  
Akrilik



### Info

Karya catan beliau yang berjudul *Umpam*, mempunyai unsur-unsur kuasa dan tenaga yang menentang antara satu sama lain seolah-olah terdapat situasi pemburuan dan pergelutan.


## Mohamad Hoessein Enas

Mohamad Hoessein Enas dilahirkan di Bogor Jawa, Indonesia pada tahun 1924. Beliau berhijrah ke Malaysia pada tahun 1947 dan tidak pernah mengikuti pendidikan formal dari mana-mana institusi seni. Karya-karya beliau dihasilkan dalam bentuk realistik dan naturalistik dengan menggunakan subjek figura serta potret yang berlatar belakangkan budaya tempatan.

Karya beliau banyak membawa mesej budaya melalui penampilan pakaian dan kegiatan sosial masyarakat Malaysia. Media yang sering digunakan ialah pastel dan cat minyak. Antara karya beliau ialah *Self Potrait* (1958), *Gadis Melayu* (1959), *Memetik Daun Tembakau di Kelantan* (1962) dan *Mengaji* (1990).



Mohamad Hoessein Enas  
*Mengaji*  
1990  
Cat minyak di atas kanvas




Mohamad Hoessein Enas  
*Memetik Daun Tembakau di Kelantan*  
1962  
Akrilik di atas kanvas

## **Yong Mun Sen**

Yong Mun Sen dilahirkan di Kuching, Sarawak pada tahun 1896. Beliau melanjutkan pendidikan dalam bidang seni di Tai-Pu, Kwantung, China. Konsep seni catan Cina banyak mempengaruhi komposisi karya beliau yang lebih lapang dan umum serta tidak dalam komposisi yang terperinci. Beliau terkenal dengan penghasilan seni landskap menggunakan media cat air.



Yong Mun Sen  
*Drying Nets*  
1940  
Cat air



Yong Mun Sen  
*Rumah Atap di Tepi Pantai*  
1960  
Cat air

Sumber: Mulyadi Mahamood, 2001

## Artis Seni

Artis ialah seseorang yang menghasilkan karya seni seperti pelukis, penyajak, penghibur, penyanyi dan pelakon. Manakala dalam bidang seni visual, artis ialah individu yang menghasilkan karya dalam bentuk tampak. Artis juga mestilah kreatif, inovatif dan mahir dalam sesuatu bidang seni.



### Haron Mokhtar

Haron Mokhtar dilahirkan di Sungai Besar, Selangor pada tahun 1963. Beliau mendapat pendidikan di Institut Teknologi Mara (ITM) dan memperoleh Diploma Seni Halus pada tahun 1988. Karya beliau sering bertemakan aspek-aspek sosiobudaya masyarakat.

Beliau terkenal dengan teknik kecatan (*painterly*). Selain itu, karya beliau juga menerapkan nilai-nilai murni yang ditonjolkan dalam watak-watak figura dan menerapkan nilai dekorasi. Beliau juga aktif menyertai pameran seni dalam dan luar negara.

Antara pameran yang disertai beliau secara perseorangan dan berkumpulan ialah 5th Asean Youth Painting Workshop and Exhibition, NW Singapore, Siri Atas Bawah Pusaka, Pelita Hati Bangsar, Kuala Lumpur 2005, In Pursuit of Penang, The Artists Space Hotel Concorde Shah Alam 1999 dan banyak lagi.

Beliau juga dianugerahkan dengan beberapa pencapaian. Antaranya ialah hadiah utama bakat muda sezaman 1987, hadiah utama pertandingan melukis UiTM 1988, hadiah kedua pertandingan landskap Selangor BSLSA 2001 serta saguhati mekar citra 50 tahun kemerdekaan 2007.



Haron Mokhtar  
*Semangat Anak-Anak Didik*  
2014  
Akrilik di atas kanvas

Haron Mokhtar  
*Maghrib di Atas Masjid Negeri*  
2007  
Akrilik di atas kanvas

## Shaq Koyok



Shaq Koyok dilahirkan di Kampung Orang Asli Pulau Kempas, Banting Selangor pada tahun 1985. Beliau berketurunan orang Asli, memiliki Ijazah Sarjana Muda Seni Halus dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2009. Karya-karya Shaq Koyok menerapkan elemen orang Asli dalam komposisi gaya catan kontemporari.

Antara karya beliau ialah *Age of Tomorrow* (2016) menggunakan media akrilik di atas kanvas. Selain itu, terdapat karya lain yang dihasilkan menggunakan media akrilik di atas tikar mengkuang, iaitu *Embrace* (2018), *Mah Meri Dancer* (2018) dan *Red Tape* (2019). Beliau pernah mengadakan pameran solo di Galeri Bower Melbourne, Australia.

Selain itu, beliau telah menyertai pameran berkumpulan negara-negara ASEAN dan *Arts KL Miami Art Fair* Miami USA. Pada tahun 2019, beliau menyertai *GERIMIS Art Project*, *Whitaway Arcade Gallery*, Georgetown Pulau Pinang dan *Crafting Artistry A Group Exhibition* serta Galeri Petronas KLCC.



Shaq Koyok  
*Age of Tomorrow*  
2016  
Akrilik di atas kanvas



Shaq Koyok  
*Red Tape*  
2019  
Akrilik di atas tikar mengkuang

## Zulkifli Yusoff



Zulkifli Yusoff ialah salah seorang seniman kontemporari yang terkenal di Malaysia. Bakat beliau mula terserlah setelah berpeluang memasuki jurusan Seni Halus di Institut Teknologi Mara pada tahun 1985. Zulkifli Yusoff terkenal sebagai seniman yang serba boleh dalam bidang instalasi, catan, arca dan seni cetak. Beliau merupakan salah seorang anak Malaysia yang berpeluang mempamerkan karyanya di Venice Biennale sebanyak dua kali pada tahun 1997 dan 2019. Di antara pameran-pameran penting yang disertai oleh Zulkifli Yusoff termasuklah *New Art from South East Asia* (Tokyo, Osaka, Fukuoka dan Hiroshima) 1992 dan juga *First Asia Pacific Triennial of Contemporary* di Brisbane Australia 1993. Beliau juga merupakan penerima hadiah menteri di dalam pertandingan Salon Malaysia pada tahun 1991 dan juga merupakan penerima Anugerah Akademik Negara (AAN) di dalam kategori seni pada tahun 2007.



Zulkifli Yusoff  
*Don't Play During Maghrib*  
1997  
Media campuran

Zulkifli Yusoff  
*Jolok*  
2019  
Instalasi media campuran  
(kanvas, akrilik, kayu, resin,  
*fiber glass*, besi dan fabrik)




## Ali Nurazmal Yusoff

Ali Nurazmal Yusoff dilahirkan di Pulau Pinang pada 20 Mac 1978. Beliau mendapat pendidikan dalam bidang seni di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau membawa imej figuratif dan persekitaran sebagai objek rujukan dan cahaya, bayang serta ruang sebagai objek keseluruhan karya. Kebanyakan karya yang dihasilkan oleh beliau menjurus kepada aliran realisme. Antara karya yang dihasilkan oleh beliau ialah *Imitation Master After Caravaggio* (2009), *Imitation Master After Caravaggio-Time and Space* (2013) dan *Imitation Master-Legacy* (2019). Ketiga-tiga karya ini menggunakan media cat minyak di atas kanvas.



Beliau juga terlibat dalam mengadakan pameran solo peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau pernah menerima anugerah *Art Competition Diploma by Olympic Museum, Switzerland* pada tahun 1993 dan Anugerah Kijang Bank Negara pada tahun 2004 dan mendapat tempat pertama dalam pertandingan mereka bentuk logo Hospital Al-Islam, Kuala Lumpur pada tahun 2008.



Ali Nurazmal Yusoff  
*Imitation Master - Legacy*  
2019  
Cat minyak di atas kanvas



Ali Nurazmal Yusoff  
*Imitation Master After Caravaggio*  
2009  
Cat minyak di atas kanvas



## Aplikasi Seni

### Infografik

1. Pilih tokoh atau artis seni visual yang anda minati.
2. Hasilkhan satu infografik mengenai tokoh atau artis tersebut.
3. Pastikan hasil infografik anda mempunyai maklumat yang berikut:
  - a) Hasil karya tokoh atau artis.
  - b) Tema, isu atau tajuk yang dipilih oleh tokoh atau artis tersebut.
  - c) Perbincangan berkaitan tema, isu atau tajuk yang dipilih oleh tokoh atau artis tersebut.
  - d) Unsur seni yang telah dibincangkan dalam karya-karya.
4. Pamer dan bincangkan hasil infografik anda di hadapan kelas.



Contoh hasil infografik



Pamerkan dan bincangkan hasil infografik bersama rakan-rakan

## Seni Budaya Lain

Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan telah mewujudkan pelbagai budaya serta hasil seni. Hasil seni ini menjadi amalan dan kepercayaan seharian kaum tersebut. Perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia dapat dikekalkan melalui penghargaan terhadap kepelbagaian seni dan budaya.

Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu melestarikan dan menghargai identiti budaya kaum-kaum tersebut melalui penghayatan terhadap hasil seni serta budaya yang telah diamalkan. Selain peralatan, alat permainan, seni bina, kenderaan, pakaian dan perhiasan diri, seni tembikar dan seni ukiran merupakan contoh seni budaya lain. Seni ini tertumpu kepada kaum Melayu, Cina, India, etnik di Sabah dan Sarawak.

### Seni Tembikar

Seni tembikar merupakan seni kraf tradisional yang dihasilkan menggunakan tanah liat sebagai bahan utama. Pada zaman dahulu, tembikar digunakan sebagai barang kegunaan harian seperti bekas menyimpan air, makanan asas, peralatan memasak dan kelengkapan ritual.

Seni tembikar telah wujud sejak beratus tahun yang lampau dengan penemuan pasu Iban di Gua Niah, Sarawak. Tembikar yang dihasilkan oleh pelbagai kaum dan etnik di Malaysia mempunyai nilai estetik yang boleh dilihat pada penggunaan bahan, bentuk, motif, cara pembuatan, hiasan dan warna.

Antara tempat yang terkenal dengan pembuatan tembikar di Malaysia ialah:

1. Kampung Sayong, Kuala Kangsar, Perak.
2. Kampung Mambong, Kuala Krai, Kelantan.
3. Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling, Pahang.
4. Kampung Alor Merah, Kedah.

Pembuatan tembikar terkenal di Sabah ialah di Kuron dan Lapohan. Manakala di Sarawak, pembuatan tembikar terkenal di Nuan dan Kudin.



▲ Sila imbas



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/sejarah-tembikar-2/> untuk melihat sejarah tembikar.  
(Dicapai pada 22 Oktober 2020)

## Seni Tembikar Kaum Melayu

### Labu Sayong

Masyarakat Melayu terkenal dengan pembuatan tembikar tradisional. Tembikar masyarakat Melayu dikenali dengan nama yang berbeza-beza dan kebiasaannya mengikut nama tempat tembikar dihasilkan. Tembikar kaum Melayu yang dihasilkan di Sayong, Kuala Kangsar dikenali sebagai Labu Sayong. Bentuk labu Sayong diilhamkan daripada buah labu. Labu Sayong diperbuat daripada tanah liat dan kebiasaannya berwarna hitam atau warna asli tanah dan tidak bersepuh.

Bentuk-bentuk labu dikenali sebagai Labu Panai, Labu Leper, Labu Lepap, Labu Tela, Labu Gombol, Labu Pucung, Labu Besar, Labu Gelugur, Labu Sayong, Labu Belalai Gajah dan lain-lain. Tembikar ini berfungsi sebagai tempat menyimpan air atau bekas untuk mengambil air.



Hasil seni kraf labu Sayong dalam bentuk dimensi baharu



Labu Gelugur



Labu Belalai Gajah



Labu Panai

## Tembikar Mambong



Periuk

Tembikar Mambong diusahakan di Kampung Mambong, Ulu Kelantan. Tembikar ini digunakan sebagai alat untuk menyimpan air, makanan dan memasak. Selain menjadi alat kegunaan di dapur, Tembikar Mambong juga digunakan untuk tujuan perasapan dalam upacara atau ritual tertentu.



Belanga

## Tembikar Terenang


Tembikar Terenang diusahakan di Kampung Pasir Durian yang terletak dalam mukim Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang. Hasil warisan seni tangan ini mempamerkan bentuk yang menarik dan indah. Perusahaan tembikar Terenang turut menghasilkan belanga, perasapan dan tempayan yang digunakan untuk memasak, menyimpan air ataupun untuk tujuan adat dan keagamaan.



Terenang

## Motif dan Ragam Hias


Motif dan ragam hias seni tembikar kebiasaannya diilhamkan daripada alam semula jadi dan rupa bentuk geometri. Motif diukir pada permukaan tembikar semasa separa kering. Terdapat beberapa teknik menghias tembikar seperti teknik tampalan, teknik ukiran, teknik tekan, teknik tebuk tembus dan teknik gurisan.




Bunga Tanjung




Bunga Padi




Bunga Keduduk




Bunga Cengkik




Bunga Lawang




Bunga Pecah




Pucuk Rebung



Bunga Calar




Susur Kelapa



Bentuk huruf 'S'



Siku Keluang



Bentuk huruf 'X'

## Teknik Penghasilan Tembikar

Teknik yang digunakan dalam penghasilan tembikar tradisional ialah teknik picit, teknik lingkaran, teknik kepingan, teknik lempar alin dan teknik acuan.

### Teknik Picit



Proses membentuk tanah liat dengan cara memiciti, mencubit dan menambah tanah liat mengikut bentuk labu yang hendak dihasilkan.

Tanah liat dibentuk seperti lingkaran-lingkaran yang mempunyai saiz yang sama dan kemudiannya dicantumkan mengikut bentuk yang dikehendaki.

### Teknik Lingkaran



### Teknik Kepingan



Tanah liat dicanai dalam bentuk kepingan. Kepingan tanah liat dicantum dengan menggunakan slip (tanah liat cair) mengikut bentuk yang dikehendaki.

Teknik ini merupakan cara moden untuk menghasilkan tembikar. Mesin pemutar manual atau elektronik digunakan dalam proses membentuk tanah liat.

### Teknik Lempar Alin



### Teknik Acuan



Konsep pengeluaran labu secara komersial dihasilkan dengan menggunakan kaedah acuan.

## Seni Tembikar Kaum Cina

Sejak tempoh pra dinasti, sejarah seni tembikar kaum Cina telah menunjukkan satu perkembangan yang berterusan.

Kaum Cina juga terkenal dengan seni tembikar seperti pasu, tempayan, pinggan mangkuk, jag air, pemegang colok dan set minum teh. Seni tembikar ini dihasilkan menggunakan tanah liat dan dikenali sebagai porselin.

Pasu bunga merupakan seni tembikar yang terkenal dalam kalangan masyarakat Cina. Teknik pembuatan tembikar Cina menggunakan teknik sepuh (*glazing*) yang menjadikan tembikar mempunyai warna.

Tembikar kaum Cina sering dihiasi dengan motif fauna seperti naga dan burung serta motif flora seperti bunga teratai dan pokok buluh.



Contoh tembikar kaum Cina



## **Seni Tembikar Kaum India**

Seni tembikar dalam kaum India terdiri daripada periuk, lampu minyak, tempat pembakar kemenyan, alatan pengebumian, bekas mengisi air dan sebagainya.

Periuk atau belanga merupakan salah satu seni tembikar tradisional kaum India.



Tempat Pembakar Kemenyan

Bekas lampu minyak juga merupakan salah satu seni tembikar kaum India yang berbentuk piring dan mempunyai lubang kecil di tengah-tengah dan bermuncung. Kaum India akan menggunakan bekas lampu minyak tersebut semasa perayaan Deepavali.



Lampu Minyak

## Seni Tembikar Etnik Sarawak

Seni tembikar Sarawak merupakan produk kraf tradisional etnik di Sarawak. Salah satu seni tembikar yang unik dari segi bentuk, warna dan nilai estetiknya ialah pasu Sarawak. Penghasilan pasu Sarawak telah bermula pada zaman Neolitik lagi dengan penemuan bekas pasu di Gua Niah, Sarawak. Barang-barang tembikar mempunyai kegunaan yang paling meluas dalam kalangan etnik peribumi Sarawak. Tembikar dihasilkan dengan menggunakan tangan dan dibakar dengan api yang sederhana.

Upacara dalam perayaan Gawai, perkahwinan dan pengebumian semuanya tidak lengkap tanpa bekas-bekas tembikar yang tertentu. Barang-barang tembikar tradisional yang dihasilkan di Sarawak termasuk pinggan, mangkuk, tajau (sejenis tempayan besar), takar dan perkakas memasak. Seiring dengan perubahan masa, tembikar Sarawak dijadikan sebagai cenderamata dan perhiasan dalam bentuk dimensi baharu. Tembikar Sarawak melalui proses pembaharuan dengan pengaruh seramik Cina. Pembukaan kilang yang menghasilkan tembikar secara moden membawa kepada penyusunan ragam hias kaum Iban dalam dimensi baharu ditambah dengan teknik sepuhan yang pelbagai warna.



Nuan



Tembikar Sarawak dimensi baharu

## Fungsi Tembikar Sarawak

Fungsi-fungsi tembikar Sarawak adalah seperti berikut:

- Menyimpan barang-barang berharga.
- Bekas mengisi arak atau tuak.
- Dijadikan bekas minuman.
- Bekas mengisi mayat untuk upacara pengebumian.
- Barang hiasan dalaman seperti lampu, bekas payung, pasu bunga dan lain-lain.

## Motif Hiasan Tembikar Tradisional Sarawak

Tembikar tradisional Sarawak menggunakan motif flora dan fauna seperti padung, buluh empit, lengkuk, burung kenyalang dan pelbagai jenis motif geometri. Kebanyakan corak hiasan pada tembikar Sarawak menggunakan motif yang terdapat di persekitaran tempat tinggal dan mempunyai unsur-unsur kepercayaan serta amalan hidup mereka.



## Teknik Penghasilan Tembikar Sarawak

Teknik penghasilan tembikar pada asasnya dengan menggunakan tangan. Pemodenan dan perubahan teknologi banyak membawa teknik baharu seperti lempar alin dan acuan.

Penghasilan tembikar Sarawak dimensi baharu menggunakan teknik lempar alin, iaitu menggunakan mesin pemutar dan acuan. Teknik acuan digunakan kerana penghasilannya mudah, cepat dan mempunyai keselarasan saiz.

## Seni Tembikar Etnik Sabah

Seni tembikar merupakan kraf warisan tradisional etnik Sabah. Tembikar Kuron terkenal dalam kalangan etnik Kadazandusun yang tinggal di Lotud dan Bundu serta etnik Bajau di Kampung Melangkap, Kota Belud. Bahan utama yang digunakan ialah tanah liat yang diperoleh dari tebing Sungai Kiliposu dan berwarna kelabu.



Terdapat beberapa teknik yang digunakan untuk menghasilkan tembikar Kuron, sama ada menggunakan teknik tradisional atau moden. Teknik tradisional mengambil masa yang lama, namun hari ini tembikar Kuron kontemporari menjadi pilihan masyarakat di Sabah kerana mudah diperoleh, lebih lasak dan proses penyediaannya tidak terlalu lama.

### Fungsi Tembikar Kuron

- Tembikar Kuron dihasilkan untuk kegunaan harian seperti memasak dan bekas menyimpan makanan serta minuman.
- Penghasilan tembikar Kuron juga dikaitkan dengan kepercayaan amalan ritual.

### Motif Hiasan Tembikar Kuron

Motif dihasilkan dengan kayu yang diukir. Kayu motif akan dipukul pada tembikar Kuron untuk mendapatkan motif.

### Tembikar Lapohan

Masyarakat Bajau Semporna mahir dengan warisan kraf lepa-lepa dan mewarisi kemahiran membuat kraf tembikar yang dipanggil lapohan. Selain itu, mereka juga berkemahiran membuat barang tembikar lain seperti bekas air, periuk, bekas perasapan (tuntungan) dan belanga (lupo).



Sumber: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

## **Seni Ukiran**

Seni ukiran kayu telah wujud seiring dengan reka bentuk seni rupa. Seni rupa pula menggambarkan kewujudan bentuk tiga dimensi yang diselaraskan dengan fungsi dan nilai estetika budaya tempatan. Ukiran kayu merupakan seni kraf tangan yang telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Malaysia terutama bagi masyarakat Melayu, Cina, India, etnik Sabah dan Sarawak serta masyarakat peribumi.

Ukiran kayu ialah seni melayang, mengukir, menebuk permukaan papan atau bongkah kayu bagi mencorakkan sesuatu motif. Seni ukiran kayu ini sama seperti seni ukiran yang lain cuma berbeza dari segi cara dan teknik pengukirannya. Kayu ialah bahan alam yang sangat sesuai untuk diukir dan boleh dipelbagaikan kegunaannya.



Contoh Ukiran Kayu Tebuk Tembus

## **Seni Ukiran Kaum Melayu**

Raja-raja Melayu pada zaman dahulu memainkan peranan penting dalam perkembangan seni ukiran. Sehingga kini, peninggalan istana-istana lama mempamerkan keindahan dan keunikan ukiran kayu yang diterapkan pada istana-istana tersebut. Di Semenanjung Malaysia, kekayaan seni ukiran kayu masyarakat Melayu paling ketara terdapat pada binaan rumah tradisional.

Seni ukiran tradisional Melayu dianggap sebagai satu seni luahan kreativiti orang-orang Melayu yang mementingkan elemen estetik, motif dan falsafah. Seni ukiran ini dapat dilihat pada binaan istana, masjid, rumah, makam, perabot dan sebagainya.

Motif ukiran Melayu berkait rapat dengan adat resam, agama, kepercayaan, iklim, geografi dan persekitaran.

Ukiran Melayu juga mempunyai pola ukiran, iaitu pola bujang, pola lengkap dan pola pemedang.

Teknik ukiran merupakan cara ukiran dilakukan yang menunjukkan kemahiran, keunikan dan ketinggian ilmu ukiran pengukir. Teknik utama dalam ukiran kayu ialah teknik layang, teknik tembus dan teknik timbul.


Motif fauna yang sering digunakan adalah motif ayam berlaga. Kebiasaannya motif ini diukir pada tangga rumah tradisional Melayu yang menggambarkan dua ekor ayam sedang berlaga.



Pola Bujang




Motif Awan Larat



Motif Ayam Berlaga

Selain itu, motif itik pulang petang juga menjadi motif kegemaran pengukir. Motif ini menunjukkan sebaris itik sedang bergerak menuju ke arah yang sama.



Motif Itik Pulang Petang



### Info

- Motif awan larat menunjukkan tanda sifat kehalusan budi pekerti, manakala liuk-lentok daunnya melambangkan sopan santun orang Melayu.

Motif flora berasaskan bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan seperti bunga senduduk, pucuk rebung dan bunga ketam guri. Motif ini sering menghiasi pintu, tingkap, lubang angin, kekisi dan tebar layar rumah Melayu tradisional. Selain itu, motif flora turut digunakan untuk menghiasi peralatan harian seperti kukur kelapa, rak simpan keris dan kepala perahu nelayan.



Motif flora

Struktur rumah Melayu dihias dengan ukiran kayu, iaitu bahagian cucur atap bermotif pucuk rebung, penyambung cucur atap dengan motif lebah bergantung. Manakala bahagian atap pula dihiasi dengan motif-motif bunga kenanga dengan ukiran pola pemidang. Ukiran jenis larik digunakan pada bahagian tunjuk langit yang terletak di bahagian atas tebar layar rumah Melayu tradisional.



## Seni Ukiran Kaum Cina

Seni ukiran kaum Cina mempunyai nilai estetika yang tinggi. Hasil ukiran bukan sahaja mempunyai fungsi kepenggunaan, malah motif yang dihasilkan masih mengekalkan ciri-ciri seni ukiran tradisional kaum Cina.

Antara motif seni ukiran kaum Cina ialah motif naga, buluh, *phoenix*, yin dan yang, bunga cina, awan, ikan dan kaligrafi. Namun motif yang paling banyak digunakan ialah naga. Motif flora yang terkenal dalam seni ukiran kaum Cina ialah bunga peoni, bunga teratai, pohon beringin dan cemara. Motif geometri juga digunakan tetapi tidak hanya tertumpu kepada satu-satu bentuk sahaja. Terdapat ragam hias yang khusus dan digunakan dalam seni bina Cina. Ukiran kayu dalam masyarakat Cina ini kebiasaannya menjadi hiasan rumah, alat perkakasan memasak seperti acuan kuih bulan, bekas mangkuk tingkat dan alat perabot.




Ukiran pada bidai tingkap



Ukiran motif naga



Acuan kuih bulan



Pintu menggunakan motif geometri

## Seni Ukiran Kaum India

Kaum India juga mempunyai seni ukiran yang menjurus kepada unsur ketuhanan.

Ukiran yang menggunakan motif gajah dan burung merak sering didapati pada pintu, dinding, tiang rumah dan rumah ibadat kaum India. Terdapat juga ukiran motif flora seperti motif bunga-bungaan dan daun.



Ukiran bentuk burung merak pada pintu rumah.



Ukiran patung gajah untuk hiasan di dalam rumah.



Ukiran pada pintu. Kebiasaannya terdapat pada pintu-pintu kuil atau rumah-rumah bangsawan India.

## Seni Ukiran Etnik Sabah

Seni ukiran di Sabah terkenal dalam kalangan masyarakat Bajau.

Daerah Kota Belud terkenal dengan seni ukiran parang bajau. Ukiran ini mempunyai keunikan tersendiri kerana parang yang dihasilkan adalah berbeza dengan parang yang dihasilkan di daerah lain di Sabah dari segi ukiran dan jenis mata parang.



Parang Bajau

Penggunaan kayu nangka menjadi pilihan masyarakat Bajau untuk menghasilkan sarung dan hulu parang.

Mata parang diukir dengan motif paku pakis, motif serimpak, motif cili dan lain-lain.

Selain ukiran pada sarung dan hulu parang, seni ukiran ini juga dapat dilihat pada perahu, alatan dapur seperti senduk dan berkait rapat dengan amalan hidup mereka.



Perahu Lepa Kaum Bajau

## **Seni Ukiran Etnik Sarawak**

Seni ukiran dalam etnik Sarawak sering didapati pada alat senjata seperti terabai. Fungsi terabai adalah untuk melindungi diri daripada serangan atau tetakan pihak musuh dan digunakan dalam persembahan tarian ngajat.



Ukiran pada tiang keliring



Terabai

Seni ukiran juga boleh dilihat pada tiang keliring. Keliring diperbuat daripada batang kayu yang besar dan keras yang diukir dari atas hingga ke bawah. Motif yang digunakan pada tiang keliring berunsurkan motif etnik dan geometri. Kayu merbau dipilih sebagai bahan utama kerana kayu ini keras dan tahan lama.

Keliring didirikan di kawasan kediaman dan dimiliki oleh golongan berada sahaja.

## Tokoh Kraf di Malaysia

Tokoh kraf ialah seseorang yang dianugerahkan pengiktirafan tertinggi oleh Kerajaan Malaysia yang menepati kriteria-kriteria seperti yang telah ditetapkan. Seorang tokoh kraf mestilah unggul dalam kraf yang diwakili, berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan mempunyai kepakaran dalam bidang kraf warisan. Tokoh ini memberi komitmen yang tinggi dalam usaha perkembangan memulihara, memelihara, meningkatkan dan memartabat seni kraf warisan negara.

Tokoh-tokoh ini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan perkembangan industri kraf negara. Kesungguhan untuk berkongsi ilmu dan kemahiran dapat menjadikan seseorang itu sebagai adiguru kepada generasi pelapis demi kesinambungan kraf tradisional Malaysia. Seorang tokoh kraf mempunyai ciri-ciri kreativiti yang tinggi, rujukan kepada bidang kepakaran, mempunyai daya kepimpinan yang cemerlang dan mengambil berat mengenai perkembangan kraf masyarakat setempat.



### Nota Guru

- Guru menerangkan tokoh kraf di Malaysia mengikut kepakaran mereka.

## 1 TOKOH KRAF TEKAT

### Azizah binti Mohamad Yusof

#### Latar Belakang

- Lahir pada tahun 1938.
- Berasal dari Kuala Kangsar, Perak.



#### Sumbangan

- Guru kepada pelatih-pelatih Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM).
- Tenaga pengajar seni kraf tekat kepada generasi baharu.
- Sebagai wakil Malaysia ke Pameran Antarabangsa (*Asean Centre*) di Tokyo, Jepun pada tahun 1984.
- Pemaju masyarakat dalam Bahagian Kelas Latihan (KLK) KEMAS Kuala Kangsar dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Cawangan Perak dalam bidang tekatan benang emas selama 12 tahun.
- Dilantik sebagai jurutunjuk oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1998.

#### Anugerah

- Anugerah Ahli Mangku Negara (A.M.N) pada 6 Jun 2009 oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Anugerah Penghargaan Pelancongan Negeri Perak pada 14 Julai 2007.
- Anugerah Yayasan Kesenian Negeri Perak oleh Yayasan Kesenian Negeri Perak (1998).
- Anugerah Karyawan Perak Sepanjang Zaman pada 18 Julai 1998.
- Adiguru Kraf Tekatan Benang (1995).

## 2 TOKOH KRAF TENUNAN SONGKET

### Hajah Habibah binti Zikri

#### Latar Belakang

- Lahir pada tahun 1948.
- Berasal dari Chendering, Kuala Terengganu.



#### Sumbangan

- Banyak hasil karya beliau yang digunakan oleh organisasi-organisasi korporat.

#### Anugerah


- Adiguru kraf tenunan songket pada tahun 2007.
- Beliau menerima Anugerah *Best Traditional Textile* dalam pertandingan Tekstil ASEAN pada tahun 1987 di Jakarta.
- Pada tahun 1983, beliau telah menyertai pertandingan WICITRA anjuran PKKM dan pada tahun 1984, beliau telah menerima anugerah reka bentuk terbaik dalam tenunan songket.

### 3 TOKOH KRAF PASU IBAN

#### Andah A/K Lembang

##### Latar Belakang

- Lahir pada tahun 1948.
- Menetap di Rumah Panjang, Nanga Sumpa, Sri Aman, Sarawak.



Pasu Iban

##### Sumbangan

- Menjadi tenaga pengajar kepada penduduk setempat serta membuat demonstrasi teknik pembuatan pasu Iban secara tradisional kepada pihak yang berminat seperti Muzium Negeri Sarawak, UNIMAS dan PKKM Cawangan Sarawak.
- Membuat demonstrasi pasu Iban di PKKM Langkawi pada tahun 1987 dan luar negara seperti di negara Jepun pada tahun 1991.
- Dilantik sebagai jurudemo semasa penggambaran dokumentasi mengenai Pasu Tradisi Iban oleh Kraftangan Malaysia.
- Dilantik sebagai "Talent" semasa penggambaran dokumentasi mengenai pasu tradisi Iban oleh PKKM.

##### Anugerah

- Adiguru kraf pasu Iban pada tahun 2006.

## 4 TOKOH KRAF UKIRAN HALUS

**Norhaiza bin Noordin**

### Latar Belakang

- Lahir pada tahun 1963.
- Menetap di Kampung Raja, Besut, Terengganu.



### Sumbangan

- Menghasilkan panel ukiran kayu ayat Kursi di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.
- Menghasilkan ukiran kayu peti ibadat Sultan Brunei.
- Menghasilkan hiasan ukiran kayu di Istana Hinggap Putrajaya.
- Menghasilkan hiasan ukiran kayu di kediaman Perdana Menteri di Putrajaya.
- Menghasilkan hiasan ukiran kayu Dewan Pusat Pengajian Islam Universiti Oxford.
- Menghasilkan 15 unit ukiran hulu keris exco Kerajaan Negeri Terengganu.
- Menghasilkan dua bilah keris untuk Yang di-Pertuan Agong.
- Menghasilkan tempahan cokmar untuk Universiti Malaysia Kelantan.



Ukiran Kayu Bunga Timbul

### Anugerah


- Adiguru kraf ukiran halus pada tahun 2011.
- Menerima Anugerah Seni Negeri Terengganu pada tahun 2005.

## 5 TOKOH KRAF UKIRAN KAYU

### Wan Mustafa bin Wan Su

#### Latar Belakang

- Lahir pada tahun 1939.
- Berasal dari Kampung Alor Lintang, Besut, Terengganu.



#### Sumbangan

- Memberi latihan dan bimbingan kepada pengukir muda yang berminat mendalami seni ukiran tradisional.
- Dewan Bahasa dan Pustaka telah melantik beliau sebagai salah seorang daripada panel pengkaji istilah bahasa bagi bidang ukiran.
- Pakar rujuk dalam bidang ukiran kepada individu, pelajar, agensi kerajaan dan juga swasta.
- Menjadi penceramah seni ukiran Melayu di Universiti Teknologi Mara, Universiti Teknologi Malaysia dan lain-lain IPT sekitar tahun 1980-an hingga 1990-an.
- Menjadi Timbalan Pengurus Jawatankuasa Istilah Seni Ukir Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### Anugerah

- Adiguru kraf ukiran kayu pada tahun 2007.
- Anugerah Karyawan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

## 6 TOKOH KRAF BLOK BATIK

**Md Ghani bin Mat**

### Latar Belakang

- Lahir pada tahun 1956.
- Berasal dari Wakaf Bharu, Kelantan.



### Sumbangan

- Memberi latihan kepada para pekerja dan anak-anaknya.
- Memberi latihan kemahiran yang dimiliki melalui Kursus Latihan Jangka Pendek (Blok Batik) dan menyertai Skim Perantisan Kraf Warisan yang dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan.
- Blok batik yang dihasilkan oleh Md. Ghani Mat pernah digunakan semasa pameran batik sempena Pertandingan Piala Seri Endon bertempat di PWTC, Kuala Lumpur.



### Anugerah

- Adiguru kraf blok batik pada tahun 2011.

## Seni Peribumi

Masyarakat Orang Asli, etnik Sabah dan Sarawak merupakan sebahagian daripada masyarakat peribumi di Malaysia. Masyarakat orang Asli terdiri daripada tiga kumpulan utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Suku kaum utama orang Asli di Malaysia ialah Bateq, Mendriq dan Jahai di Kelantan, Che Wong, Semoq Beri, Jah Hut dan Semelai di Pahang, Kensiu dan Kintak di Kedah, Lanoh, Temiar dan Semai di Perak, Mah Meri di Selangor, Temuan di Negeri Sembilan, Orang Kanaq, Orang Laut, Jakun dan Orang Seletar di Johor.

Penduduk peribumi Sabah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 kumpulan dengan menggunakan lebih daripada 50 bahasa dan tidak kurang daripada 90 dialek. Antara penduduk peribuminya ialah Kadazandusun, Bajau, Murut, Lun Bawang atau Lun Dayeh, Kedayan, Bisaya, Irranun, Rungus, Kimarang, Kwijau, Lundayeh, Ubian, Binadan, Orang Sungai, Tatana, Tagaas, Brunei, Suluk dan lain-lain.



Topeng Mah Meri




Manakala masyarakat peribumi terbesar di Sarawak terdiri daripada etnik Iban, Bidayuh, Kayan dan Orang Ulu. Dayak terbahagi kepada dua, iaitu Iban (Dayak Laut) yang terdiri daripada Sebuyau (Iban Sebuyau), Remun (Iban Remun), Balau (Iban Balau), Saribas (Iban Saribas), Iban Ulu Ai, Iban Undup, Iban Rajang dan Bidayuh (Dayak Darat) yang terdiri daripada Biatah-Padawan, Bukar atau Sadong-Serian, Jagoi atau Singai-Bau dan Selakau atau Lara-Lundu. Melayu Sarawak terbahagi kepada tiga, iaitu Brunei (Melayu Brunei), Dayak Muslim dan Melayu Sumatera. Melanau pula terbahagi kepada Melanau Mukah, Melanau Dalat, Melanau Oya, Melanau Matu-Daro-Rejang, Melanau Ba'ie (Bintulu), Melanau Balingian, Melanau Miri dan Melanau Igan. Orang Ulu terbahagi kepada Kayan, Kenyah, Kajang, Kejaman, Punan, Ukit, Penan, Lun Bawang, Lun Dayeh, Murut, Berawan dan Kelabit.



Seni peribumi mempunyai ciri-ciri tersendiri. Seni ini berbeza daripada seni masyarakat lain. Perbezaan ini boleh dilihat pada alat perburuan, alat muzik, kraf anyaman dan seni ukiran. Bahan-bahan tempatan juga mempengaruhi jenis kraf tangan yang dihasilkan. Kaum lelaki dan wanita secara tradisi membuat pelbagai jenis kraftangan. Sebilangan besar kaum wanita membuat terendak, anyaman tikar, tenunan kain, sulaman, bakul-bakul kecil dan nyiru untuk kegunaan seharian. Kaum lelaki pula membuat bakul yang lebih besar, parang, alat-alat membajak, memburu dan alat menangkap ikan, perahu serta ukiran kayu.

## Alat Perburuan

Masyarakat Orang Asli menggunakan pelbagai alat perburuan untuk memburu binatang di kawasan persekitaran mereka. Antara alat perburuan yang terkenal dalam kalangan mereka ialah belantik, jerat, sumpit, panah dan perangkap. Masyarakat orang Asli mempunyai bakat seni dalam membuat ukiran dan motif yang dihasilkan pada sumpitan sangat menarik.



Sumpitan diperbuat daripada buluh sewor kerana mempunyai lohong yang luas. Corak dan motif yang menarik juga dihasilkan pada bahagian muncung buluh. Lidi bertam digunakan untuk membuat damak. Damak yang diisi dalam tabung damak turut diukir dengan menggunakan hiasan bermotifkan alam sekeliling.



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/buluh-sewor/> untuk melihat buluh dan rotan.  
(Dicapai pada 22 Oktober 2020)

Selain itu, terdapat juga alatan untuk menangkap ikan. Antara alatan yang digunakan adalah seperti bубу, serkap, tempuling, serampang, tiruk, dan sauk.



Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

## Alat Muzik

Muzik menjadi sebahagian daripada media hiburan dalam kalangan masyarakat peribumi selepas selesai aktiviti musim bertani, meraikan perkahwinan dan menyambut hari perayaan yang diadakan secara besar-besaran. Bagi suku kaum Temiar, alat muzik digunakan dalam hiburan dan sewang. Alat muzik yang digunakan dalam tarian Sewang ialah siol (seruling buluh), gooh (buluh centong), bataq (gendang) dan kereb (gitar buluh). Bagi suku Temuan pula, mereka menggunakan alat muzik seperti tung-tung, kong-kong dan gengong dalam tarian Siamang Tunggal dan tarian Limau Manis.

### Sape

Sape merupakan alat muzik tradisional etnik orang Ulu di Sarawak. Sape diperbuat daripada bongkah pokok yang ditebus pada bahagian dalam untuk mendapatkan alunan bunyi. Alat muzik ini dihiasi dengan motif-motif unik peribumi. Sape biasanya dimainkan dalam upacara ritual di rumah panjang.



Sape



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/orang-ulu-main-sape/> untuk menonton orang Ulu main sape.  
(Dicapai pada 22 Oktober 2020)

### Sompoton



Sompoton

Sompoton ialah alat muzik yang terkenal dalam kalangan etnik Kadazandusun di Sabah. Alat muzik ini boleh dimainkan secara persendirian atau berkumpulan sewaktu mengiringi tarian. Alat ini diperbuat daripada labu air yang dikeringkan dan ditebus untuk dibuat lubang. Lubang tersebut akan dimasukkan dengan lapan batang buluh kecil yang disusun dalam dua lapisan bagi menahan angin daripada keluar melalui celah-celah buluh apabila ditiup.

### Gong

Gong merupakan alat muzik yang dimainkan untuk mengiringi tarian Sumazau, Limbai dan Siamang Tunggal. Gong terdiri daripada pelbagai saiz untuk menghasilkan bunyi yang berbeza.



Gong

## Seni Kraf Anyaman

Anyaman merupakan seni kraf yang sinonim dengan masyarakat peribumi. Motif anyaman bersumberkan alam semula jadi seperti flora dan fauna. Bahan anyaman terdiri daripada mengkuang, pandan, buluh dan rotan. Bagi suku Jah Hut, mereka menganyam menggunakan batang kumbuh, batang menerung, batang bertam, batang purun, pelepas langkap, daun kelapa, daun nipah, daun tebu, daun palas, daun gerencang dan akar resam.

Seni kraf anyaman boleh didapati pada rumah orang Asli, alat-alat perburuan, alat berkebun, senjata dan perkakas rumah. Produk anyaman adalah seperti anyaman bakul dan nyiru berfungsi untuk menyimpan dan meletak makanan. Anyaman tikar dihasilkan untuk keperluan alas tempat tidur dan digunakan semasa majlis keramaian, kematian, menjemur padi dan sebagainya.



### Info

Anyaman simpai merupakan anyaman ikatan. Anyaman ini digunakan sebagai ikatan senjata, perkakas rumah, alat berkebun, tempat kediaman serta alat-alat perburuan.



Anyaman buluh pada dinding rumah orang Asli



Bakul

Anyaman bakul raga amat terkenal dalam kalangan masyarakat peribumi. Kebiasaannya bakul raga dianyam dengan halus dan mempunyai simbol-simbol yang menggambarkan kehidupan mereka. Di Sabah, pembuatan bakul juga sinonim dengan aktiviti pertanian. Bakul digunakan untuk membawa buah-buahan, sayur-sayuran dan hasil perburuan.



Sirung (topi) masyarakat Kadazandusun


## Seni Ukiran

Kepercayaan masyarakat peribumi berkait secara langsung dengan penggunaan topeng dan ukiran patung. Suku kaum

Mah Meri dan suku kaum Jah Hut mempercayai dan menganggap patung mewakili moyang. Kaum Mah Meri

mempercayai bahawa moyang Amei berkuasa untuk menjaga dan mengawal keberlangsungan kehidupan, kesihatan, aktiviti pertanian dan pemburuan. Topeng suku kaum Mah Meri diperbuat daripada kayu pulai, iaitu sejenis kayu ringan dan lampung.

Moyang sangat dihormati oleh masyarakat orang Asli kerana mereka dianggap ketua yang menjadi pemegang adat, penjaga penempatan mereka, mematuhi pantang larang dan kekuatan bagi kaum masing-masing.



Harimau berantai  
etnik Mah Meri

Ukiran patung juga digunakan dalam upacara perubatan atau nyisoi yang dikendalikan oleh pengamal perubatan, iaitu bomoh atau poyang. Patung harimau berantai sangat terkenal dalam kalangan suku kaum Mah Meri. Patung tersebut diperbuat daripada kayu keras, iaitu nyirih batu. Kaum Jah Hut pula menggunakan kayu merbau dan rengas dalam penghasilan patung.



Patung etnik Jah Hut

Di Sarawak, ukiran dihasilkan pada terabai, parang ilang, perahu panjang dan keliring. Keliring ialah binaan tiang yang digunakan untuk pengebumian pemimpin-pemimpin suku kaum di Sarawak. Tiang keliring ini menjadi simbol keunikan seni ukir kaum di Sarawak. Jerunai pula diperbuat daripada kayu belian yang besar dan cukup tua kerana kayu ini tahan lama kepada cuaca panas dan hujan hingga ratusan tahun dan menjadi lambang yang bersejarah bagi masyarakat Melanau.



Keliring



Jerunai

Sumber: Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif,  
Universiti Malaysia Sarawak

- Guru membimbung murid-murid membuat analisis perbezaan kesenian antara masyarakat peribumi menerusi infografik.



## Rumusan

### Perkembangan Seni di Malaysia

#### Artis dan Tokoh Seni

- Syed Ahmad Jamal
- Mohamad Hoessein Enas
- Yong Mun Sen
- Haron Mokhtar
- Zulkifli Yusoff
- Shaq Koyok
- Ali Nurazmal Yusoff

#### Seni Budaya Lain

1. Seni Tembikar
  - Kaum Melayu
  - Kaum Cina
  - Kaum India
  - Etnik Sarawak
  - Etnik Sabah
2. Seni Ukiran
  - Kaum Melayu
  - Kaum Cina
  - Kaum India
  - Etnik Sarawak
  - Etnik Sabah

#### Tokoh Kraf

- Azizah binti Mohamad Yusof
- Hajah Habibah binti Zikri
- Andah A/K Lembang
- Norhaiza bin Noordin
- Wan Mustafa bin Wan Su
- Md Ghani bin Mat

#### Seni Peribumi


- Alat Perburuan
- Alat Muzik
- Seni Kraf Anyaman
- Seni Ukiran




## Latihan 1

Jawab soalan-soalan berikut:

1. Perhatikan karya-karya di bawah.
2. Berdasarkan karya-karya tersebut, jelaskan:
  - a. Tema yang digunakan.
  - b. Unsur seni dan prinsip rekaan yang diaplikasikan.
  - c. Teknik dan media yang digunakan.




Zulkifli Buyong  
*Kelambu*  
1964  
Pastel di atas kertas



Abdullah Ariff  
*Bumi Bahagia Lombong Bijih Malaya*  
1960  
Cat air



Chua Thean Teng  
*Musim Buah-buahan*  
1968  
Catan batik




Ibrahim Hussein  
*Ayah dan Angkasawan*  
1970  
Cat minyak



## Latihan 2

1. Murid diminta melengkapkan lakaran Patung Moyang Panen kaum Mah Meri.
2. Warnakan lakaran menggunakan warna-warna kontra.
3. Bingkai dan pamerkan hasil karya tersebut.



▲ Sila imbas



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/lukisan-topeng-mah-meri/> untuk melihat topeng Mah Meri.  
(Dicapai pada 30 Oktober 2020)

### Nota Guru

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.
- Guru memaparkan gambar patung moyang kaum Mah Meri.
- Guru meminta murid agar menyimpan hasil kerja untuk didokumentasikan.



# Modul 2

# BAHASA SENI VISUAL (ASAS SENI REKA)

## 2.1 PENGKARYAAN DAN PEREKAAN

### Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 2.1.1 Menyatakan maksud pengkaryaan dan perekaan.
- 2.1.2 Menerangkan fungsi pengkaryaan dan perekaan.
- 2.1.3 Menyenaraikan media, bahan, proses dan teknik pengkaryaan dan perekaan dalam unsur seni dan prinsip rekaan.
- 2.1.4 Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam pengkaryaan dan perekaan.
- 2.1.5 Menghasilkan pengkaryaan dan perekaan dengan menggunakan asas seni reka dan mempamerkan hasil pengkaryaan dan perekaan.

# Pengkaryaan dan Perekaan

## Pengenalan

Seni visual merupakan satu bidang ilmu atau kemahiran penghasilan, penciptaan dan penggubahan sesuatu yang boleh dinikmati secara visual serta yang dianggap cantik dan indah. Seni visual boleh dibahagikan kepada pengkaryaan (seni halus) dan perekaan (komunikasi visual, seni reka teknologi dan seni reka persekitaran).

## Pengkaryaan

Bidang pengkaryaan ialah aktiviti penghasilan seni yang mengutamakan nilai keindahan dan makna di sebaliknya. Bidang pengkaryaan terdiri daripada penghasilan lukisan, catan, cetakan dan arca. Semua hasil pengkaryaan seni visual ini dibuat untuk tujuan kesenian dan dinikmati sebagai satu produk seni tulen. Bagi mencapai tahap yang baik dalam berkarya, seseorang pengkarya mestilah menguasai dan mahir dalam kesemua unsur seni. Karya kebiasaannya dikecapi dengan menikmati kehalusan seni dan kemahiran seniman dalam menghasilkan karya.

Pengkaryaan dalam seni visual bermaksud penghasilan seni yang mengutamakan nilai keindahan (estetik), mempunyai ciri-ciri kreativiti dan mengutamakan makna di sebalik penghasilannya.

Bidang-bidang Pengkaryaan:

### Lukisan

Menggunakan media kering.  
Contoh: Pensel, arang, pen dan lain-lain.

### Catan

Menggunakan media basah.  
Contoh: Cat air, akrilik, minyak, dan lain-lain.

### Cetakan

Menggunakan blok.  
Contoh: Cetakan benam, lino dan timbul.

### Arca

Karya berbentuk tiga dimensi.  
Contoh: Arca estetik dan arca berfungsi.



- Guru menyatakan maksud pengkaryaan dan perekaan.

Konsep seni visual boleh didasarkan kepada beberapa aspek pernyataan diri (*self expression*), pengalaman dan sensasi visual serta sentuh sama ada dalam bentuk dua dimensi dan tiga dimensi.


- Pengaplikasian unsur ruang secara ketara dalam bentuk tidak formal.
- Garisan, bentuk dan warna digunakan untuk menyampaikan maksud dan menarik perhatian peminat.



Ismail Baba  
*Memori Kuala Lumpur*  
2011  
Akrilik di atas kanvas

- Penggunaan unsur warna dan jalinan yang ketara pada imej figuratif menjadikan karya lebih menarik dengan gaya realisme.


Amron Omar  
*Pertarungan*  
1980  
Cat minyak di atas kanvas






Haslin Ismail  
*BFG For Lesson I*  
2018  
Media campuran

- Penggunaan teknik kolaj dan catan dalam menghasilkan karya media campuran.
- Garis, rupa bentuk dan warna digunakan secara kreatif untuk mewujudkan imej-imej bermakna.
- Penggunaan gaya palitan berus kasar untuk memberi tenaga dalam karya.
- Penggunaan warna berani seperti kuning, merah dan hitam dapat mempengaruhi emosi audiens.
- Garis, rupa bentuk dan warna digunakan secara kreatif untuk mewujudkan imej-imej bermakna.



Awang Damit Ahmad  
*Payarama Sutra*  
2015  
Media campuran di atas kanvas

## Fungsi Pengkaryaan dan Pereaan



Pengkaryaan: Catan  
Fungsi: Hiasan dinding  
Bahan: Akrilik di atas kanvas  
Teknik: *Glazing*


Seseorang pengkarya mestilah mempunyai ciri kreatif, mengutamakan makna dan nilai estetik dalam bentuk dua dimensi atau tiga dimensi. Pengkaryaan mempunyai fungsi tersendiri, iaitu daripada aspek tradisional dan moden. Fungsi tradisional bagi pengkaryaan adalah sebagai bahan ritual atau kepercayaan, pengekalan warisan dan karya untuk mengekalkan tradisi. Fungsi moden pengkaryaan pula adalah sebagai pernyataan diri individu atau pengkarya. Pengkaryaan berfungsi sebagai pernyataan aliran atau gaya, hiasan atau cenderamata. Fungsi seterusnya adalah untuk tujuan komersial atau sumber pendapatan dan fungsi yang terakhir adalah sebagai wadah perkembangan kebudayaan negara.



Pengkaryaan: Arca  
Fungsi: Hiasan dinding  
Medium: Pembakaran relau  
Bahan: Kaca berwarna



- Guru menerangkan fungsi pengkaryaan dan pereaan.



Tan Tee Chie  
*Brobak Birds Competition*  
1966  
Cetakan atas kertas

- Pengkarya dapat membina kepekaan dan pertimbangan dalam diri individu, masyarakat dan persekitaran. Hasil pengkaryaan akan memberi pengalaman langsung melalui proses membuat atau proses penghasilan produk seni melalui penglibatan deria. Antara yang terlibat ialah pengarca dan pelukis.
- Pengkaryaan menguasai maklumat daripada sumber yang mendalam tentang konsep, falsafah dan nilai. Kebanyakan yang terlibat ialah para pengkritik, penggiat seni, pengkaji dan individu yang sentiasa mengambil tahu tentang perkembangan bidang yang berkaitan dengan seni.



## Aktiviti Berkumpulan

### Tujuan:

Menjelaskan karya dan rekaan dari aspek media, proses dan teknik.

### Langkah:

1. Bahagikan murid kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan dua contoh karya dan rekaan yang berbeza.
3. Setiap kumpulan dikehendaki mengkaji karya dan rekaan berkenaan daripada aspek media, teknik dan fungsi.
4. Seorang ahli kumpulan dikehendaki menerangkan hasil dapatan di hadapan kelas.



Abey Zoul  
*Kereta Kayu Lachi Almari*  
2015  
Cat air atas kertas  
Teknik *glazing*



Abdul Latiff Mohidin  
*Siri Pago-pago (Rumbia)*  
1968  
Cat air atas kertas  
Cetakan lino atas kertas

### Nota Guru


- Guru menyenaraikan media, bahan, proses dan teknik pengkaryaan dan perekaan dalam unsur seni dan prinsip rekaan.



Abdul Raof Ali  
*Mencari*  
2016  
Akrilik  
Teknik titik



Wan Ai Ling  
*Tomato*  
2015  
Cat poster  
Teknik legap atas cerah



Nasir Azman  
*Anak*  
2017  
Warna pastel  
Teknik cerah atas legap

## Perekaan

Perekaan didefinisikan sebagai hasil karya yang mempunyai nilai estetik dan nilai gunaan (fungsi). Perekaan merujuk kepada bidang komunikasi visual, rekaan persekitaran dan rekaan teknologi. Sesuatu karya atau rekaan haruslah mempunyai fungsi yang tertentu dan mempunyai nilai estetik yang menjadi tarikan kepada orang ramai. Rekaan merupakan sesuatu yang diperbaharui atau sesuatu yang dicipta untuk memenuhi kehendak manusia.

## Bidang-bidang Perekaan



## Fungsi Perekaan

Perekaan berfungsi sebagai medium untuk memudahkan kehidupan masyarakat, iaitu sebagai kegunaan harian, menyampaikan maklumat seperti petunjuk arah, amaran dan berfungsi sebagai pendidikan nasihat.

Prinsip rekaan yang digunakan oleh para pereka ialah harmoni, kontra, penegasan,imbangan, irama, pergerakan, kepelbagai dan kesatuan.

Pereka juga semestinya memahami dan mampu mengaplikasi beberapa struktur rekaan dalam karya. Jenis struktur yang sering digunakan adalah seperti struktur linear, struktur formal, struktur semi formal dan struktur tidak formal.

Antara contoh perekaan ialah seperti poster dan kotak pembungkusan (komunikasi visual), kasut, telefon bimbit, kereta (reka bentuk teknologi), landskap dan arca taman (reka bentuk persekitaran).



Rekaan kenderaan dihasilkan oleh pereka dengan mengutamakan fungsi, nilai estetik sesuai dengan keperluan dan pembeli.

Rekaan kasut yang kreatif dan mempunyai nilai-nilai estetik hasil gabungan elemen sulaman yang halus. Pereka menghasilkan kasut secara kreatif dengan gabungan teknik dan aplikasi proses yang dapat menonjolkan nilai estetika dan fungsi.



Projektor digunakan untuk tujuan persembahan multimedia.

Ukirian kayu dalam rekaan dimensi baharu.



Simbol dihasilkan untuk fungsi pengguna.

Pembungkusan kreatif memberi nilai estetik kepada produk pengusaha. Bentuk dan rekaan sangat penting untuk menarik minat pembeli.



### Info

Seseorang pengkarya dan pereka mestilah memiliki ciri kreatif, mengutamakan fungsi, dan nilai estetik. Rekaan juga perlu mempunyai nilai *designomic* yang berdaya saing. Antara fungsi perekaan ialah untuk kegunaan harian, perhiasan serta untuk menyampaikan maklumat. *Designomic* ialah gabungan *design* (rekaan) dan *economic* (ekonomi), iaitu ciri-ciri kebolehgunaan dan kebolehpasaran sesuatu karya atau rekaan seni visual.



## Aktiviti Berkumpulan

### Tujuan:

Menjelaskan karya dan rekaan dari aspek media, proses dan teknik.

### Langkah:

1. Bahagikan murid kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan dua contoh karya dan rekaan yang berbeza.
3. Setiap kumpulan dikehendaki mengkaji karya dan rekaan berkenaan dari aspek media, teknik dan fungsi.
4. Seorang ahli kumpulan diminta membentangkan hasil dapatan di hadapan kelas.



Media: Rotan

Proses dan teknik: Anyaman

Fungsi: Bekas untuk meletak dan membawa barang

Media: Besi dan kayu  
Proses dan teknik: Ketukan dan luakan  
Fungsi: Alat kebesaran dan senjata





Media: Kayu

Proses dan teknik: Ukiran tebuk tembus bersilat

Fungsi: Jam dinding

Media: Kain

Proses dan teknik: Lipatan dan ikatan

Fungsi: Alat kebesaran Melayu dan perhiasan kepala



Media: Rotan dan buluh

Proses dan teknik: Anyaman

Fungsi: Menangkap puyuh

#### Nota Guru

- Guru boleh menggunakan hasil rekaan yang terdapat di dalam bilik darjah atau dalam kawasan sekolah sebagai bahan rujukan murid.



## Aplikasi Seni

### Ayam Madu

Anda ialah seorang pereka grafik di sebuah syarikat percetakan. Anda ditugaskan untuk menghasilkan sebuah rekaan kotak pembungkusan untuk satu produk makanan tradisi Melayu.

#### Tujuan

1. Murid boleh memilih media, proses dan teknik yang sesuai.
2. Murid dapat meneroka idea secara kreatif.
3. Mempamer hasil karya serta dapat menerangkan hasil karya dengan menggunakan bahasa seni visual.

#### Alat dan Bahana

- *Box board*
- Pembaris
- Pen teknikal
- Pisau NT
- Berus lukisan
- Warna poster
- Gam
- *Cutting mat*
- Pensel
- Palet
- Pemadam
- Kertas A4



## Langkah-langkah Penghasilan

1




Koleksi pelbagai kotak sebenar sebagai sumber ilham.

2



Kotak yang dipilih untuk penghasilan pembungkusan.


3



Buka, hampar dan tekap kotak pilihan di atas *box board* dengan menggunakan pensel. Buat garisan putus-putus pada bahagian yang akan dilipat.

Potong pada garisan yang bertanda gelap.

Buang bahagian yang berlorek.




Hasil langkah 3

4




Potong hamparan kotak dengan menggunakan pisau NT mengikut garisan.

5



Lakar dan warnakan cadangan logo.



6



Lakarkan beberapa cadangan reka letak ilustrasi.

**7**

Pilihan muka taip  
**ayam MADU** (braised)  
resep bonda (Cuka M) resep bonda (cuka Sari)  
**ayam MADU** (lukis M)  
resep bonda (cuka M) resep bonda (cuka Sari)  
**ayam MADU** (lukis S)  
resep bonda (cuka M) resep bonda (cuka S)  
**ayam BULAN** (Braised Garlic)  
(lukis)

**8**

I. Hasilkann beberapa kajian muka taip. Kemudian, pilih satu untuk dijadikan ilustrasi pada kotak.

2. Gabungkan cadangan ilustrasi, logo dan muka taip yang dipilih pada kotak.

Hamparkan kotak. Kemudian, lukis ilustrasi yang dipilih.

**9**

Warnakan ilustrasi hingga selesai.

**10**

Lipat hampanan kotak dengan menggunakan pembaris mengikut garisan putus-putus.

**11**

Sapukan gam dan lekatkan pada setiap penjuru sehingga membentuk kotak.



### Hasil Kerja

- Pamerkan hasil kerja anda di dalam kelas.
- Lihat hasil kerja yang telah dihasilkan oleh rakan anda.
- Buat apresiasi terhadap hasil kerja tersebut dengan menekankan teknik asas penghasilan kotak pembungkusan.
- Bincangkan keunikan hasil kerja anda dengan guru dan rakan berdasarkan aspek-aspek prinsip, elemen, konsep, kreativiti dan kesesuaian untuk direalisasikan.





## Rumusan

### Pengkaryaan dan Perekaan

#### Pengkaryaan

1. Pengkaryaan adalah aktiviti penghasilan seni yang mengutamakan nilai keindahan dan makna di sebaliknya.
2. Bidang-bidang pengkaryaan:
  - Lukisan
  - Catan
  - Cetakan
  - Arca
3. Fungsi Pengkaryaan:
  - Fungsi tradisional
    - Sebagai bahan ritual.
    - Sebagai pengekalan warisan.
    - Sebagai karya untuk mengekalkan tradisi.
  - Fungsi moden
    - Sebagai pernyataan diri, individu atau pengkarya.
    - Pernyataan aliran atau gaya.
    - Tujuan komersial atau menjana sumber pendapatan.
    - Sebagai usaha memperkembangkan kebudayaan negara.

#### Perekaan

1. Perekaan boleh didefinisikan sebagai hasil karya yang mempunyai nilai estetik dan nilai gunaan (fungsi).
2. Bidang-bidang perekaan:
  - Komunikasi visual
  - Reka bentuk teknologi
  - Reka bentuk persekitaran
3. Fungsi Perekaan:
  - Sebagai usaha untuk memudahkan kehidupan masyarakat.
  - Menyampaikan maklumat seperti petunjuk arah.



### Latihan 1

Senaraikan perbezaan antara pengkaryaan dan perekaan berdasarkan kategori yang diberi.

- Nyatakan maksud pengkaryaan dan perekaan dalam seni visual.



---

---

---

- Nyatakan fungsi pengkaryaan dan perekaan.

Fungsi	
Pengkaryaan	Perekaan
1.	1.
2.	2.
3.	3.

- Kereta merupakan salah satu contoh perekaan bentuk teknologi. Senaraikan dua syarikat pengeluar kereta terbesar di Malaysia.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_



# SENI HALUS

## 3.1 CATAN

### Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 3.1.1 Menyatakan maksud catan.
- 3.1.2 Menerangkan fungsi catan.
- 3.1.3 Menyenaraikan media, proses dan teknik dalam aktiviti catan.
- 3.1.4 Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya catan.
- 3.1.5 Menghasilkan karya dengan menggunakan asas seni reka dan memperkenalkan serta menceritakan hasil karya.

## 3.2 ARCA

### Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 3.2.1 Menyatakan maksud arca.
- 3.2.2 Menerangkan fungsi arca.
- 3.2.3 Menyenaraikan media, proses, dan teknik dalam aktiviti arca.
- 3.2.4 Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya arca.
- 3.2.5 Menghasilkan karya dengan menggunakan asas seni reka dan memperkenalkan serta menceritakan hasil karya.

## Definisi Catan


Catan merupakan karya yang dihasilkan menggunakan media basah, iaitu pengaplikasian bahantara pigmen warna pada sesuatu permukaan seperti kertas, kanvas atau papan. Media basah terdiri daripada cat akrilik, cat poster, cat minyak dan cat *gouche*.

Melalui catan, pengkarya dapat meluahkan perasaan atau ekspresi melalui tema yang ingin disampaikan.

## Sejarah Ringkas Catan

Di Malaysia, seni catan berkembang di awal abad ke-19. Perubahan zaman membawa perkembangan yang sangat positif kepada dunia catan Malaysia. Artis-artis Malaysia mendapat pendidikan dalam bidang seni di institusi-institusi pengajian seni di Barat.

Abdullah Ariff, Yong Mun Sen dan A.B Ibrahim ialah antara pelukis pelopor dalam dunia seni visual Malaysia yang menggunakan media cat air. Kemunculan artis-artis baharu dalam dunia seni visual Malaysia membawa kepada penubuhan pusat-pusat pengajian yang menawarkan program seni visual.



Abdullah Ariff  
*Mata Air*  
1944  
Cat air


### Nota Guru

- Guru menyatakan definisi catan.
- Guru menceritakan sejarah ringkas catan.

## Fungsi Catan

### Pernyataan Diri

Pelukis menggunakan catan sebagai medium untuk berekspresi, menyampaikan rasa hati, pandangan diri dan luahan perasaan terhadap sesuatu perkara, subjek, atau peristiwa yang berkaitan dengan dirinya atau yang berlaku di sekeliling pelukis itu.



### Medium untuk menyampaikan mesej


Catan menjadi medium untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada penghayat dalam masyarakat. Mesej yang diutarakan adalah berkaitan dengan tema ketuhanan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam bentuk visual.

Jalaini Abu Hassan  
*Undi Kami*  
2008  
Media campuran di atas kanvas

### Merakam sejarah

Sejarah awal catan di Eropah merupakan medium untuk membantu masyarakat memahami sesuatu dengan cara yang paling mudah. Pelukis ditaja oleh golongan bangsawan di Eropah untuk melukis perkara-perkara penting sebagai bukti dalam bentuk visual. Sebagai contoh, potret-potret pembesar dilukis oleh artis-artis seperti Micheangelo. Catan juga berfungsi sebagai alat perakam sejarah bermula dari zaman sebelum wujudnya kamera.

Ibrahim Hussein  
*Ayah dan Angkasawan*  
1970  
Cat akrilik



- Guru menerangkan fungsi catan.

## **Media, Proses dan Teknik Dalam Aktiviti Catan**

Sebelum menghasilkan catan, seseorang pengkarya perlulah memahami beberapa aspek dalam proses penghasilan catan.

### **Media**

Media merupakan bahan yang diaplikasi bagi menimbulkan subjek di atas permukaan. Aplikasi bahan memberi kesan kepada kreativiti pengkarya dalam menghasilkan karya visual mereka. Antara media yang digunakan oleh artis ialah cat air, cat poster, cat minyak dan cat akrilik.

#### **Cat Air**

Bahan warna cat air boleh didapati sama ada dalam bentuk tiub atau kek. Cat air bersifat lut sinar dan lembut. Sapuan cat air akan menjadi tebal apabila bahan tersebut disapu secara berlapis-lapis. Bahantara cat air ialah air dan alat utama yang digunakan adalah berus.

#### **Cat Poster**

Cat poster menggunakan bahantara yang sama dengan cat air, namun sifat cat poster adalah legap. Cat poster membentuk hasil yang lebih terang berbanding cat minyak.

#### **Cat Minyak**

Cat minyak menggunakan turpentin sebagai bahantara utama. Bahan pengilat pula ialah minyak linsid, minyak *poppy* atau minyak kacang. Alat yang digunakan ialah berus dan pisau palet. Permukaan yang sesuai untuk cat minyak ialah kanvas, papan, papan lapis dan kad bod. Teknik yang diaplikasikan ialah teknik *hard edge*, *glazing*, titik, dan *scumbling*.

#### **Cat Akrilik**

Cat akrilik ialah cat yang mudah kering. Cat ini menggunakan air sebagai bahantara. Media ini mudah diaplikasikan dan mudah dibaiki jika berlaku kesalahan semasa proses mewarna berbanding cat minyak.



- Guru menyenaraikan media, proses dan teknik dalam aktiviti catan.

## Teknik Penghasilan Catan Cat Minyak

Terdapat beberapa teknik catan cat minyak yang sering digunakan oleh pelukis dalam penghasilan karya mereka. Antaranya ialah:

### Teknik *Glazing*

- Menggunakan palitan lapisan warna yang berlapis-lapis untuk menimbulkan kesan cahaya, licin, lut sinar dan berkilauan.



Nazli Hamzah  
*Climbing The Heaven*  
2020  
Cat minyak



Zaidi Abdullah  
*Bot Nelayan*  
2017  
Cat minyak

### Teknik *Scumbling*

- Menggunakan sapuan nipis warna yang legap ke atas warna yang terang atau warna yang terang ke atas warna legap.
- Teknik ini ditonjolkan melalui sapuan berus yang lembut dan terkawal.

## Teknik Titik (pointilisme)

- Penggunaan berus secara terkawal dalam menghasilkan titik-titik yang bertindan bagi membentuk sesuatu objek.
- Teknik ini sering digunakan dalam karya-karya *naive art*.



Ismail Baba  
*Kampungku*  
2012  
Akrilik di atas kanvas

## Teknik Hard Edge


- Gaya penghasilan yang terbahagi-bahagi secara geometrik. Pita pelekat digunakan sebagai sempadan untuk menghasilkan pengasingan warna yang kelihatan dipotong-potong dan kemas.

Din Omar  
*Antara Dua Hidangan*  
1991  
Media campuran



### Teknik *Impasto*

- Penggunaan warna terus daripada tiub tanpa dicairkan terlebih dahulu. Warna disapu di atas permukaan menggunakan berus atau pisau palet untuk menimbulkan kesan jalinan yang ketara.



Vincent Van Gogh  
*Bilik Tidur di Arles*  
 1889  
 Cat minyak di atas kanvas

### Teknik Kolaj

- Kolaj ialah proses menampal potongan dan cebisan sesuatu bahan lain ke atas permukaan catan.
- Media seperti cat poster, cat minyak dan akrilik disapu ke atas tampilan tersebut untuk menghasilkan kesan jalinan yang tertentu.



Siti Nur Balqis Abdul Halim  
*The Golden Owl*  
 2011  
 Akrilik, kertas kolaj di atas box board

## Teknik Penghasilan Catan Cat Air

Terdapat beberapa teknik catan cat air yang sering digunakan oleh pelukis dalam penghasilan karya mereka. Antaranya ialah:

### Teknik Basah atas Basah

- Warna yang disapu dengan berus yang basah ke atas permukaan kertas yang basah.
- Ini bertujuan supaya warna kedua dapat menyerap ke dalam warna pertama untuk menghasilkan ton yang menarik.
- Teknik ini amat sesuai untuk menghasilkan kesan lut sinar seperti awan, air, tanah, dan warna latar belakang.



### Teknik Basah atas Kering

- Lapisan pertama dibiarkan kering terlebih dahulu sebelum warna kedua yang basah disapu dengan sapuan yang lembut.
- Teknik ini menghasilkan kesan warna legap (*opaque*) iaitu melibatkan aplikasi warna secara berlapis-lapis.
- Cara ini juga digunakan untuk menggelapkan lapisan pertama dengan memasukkan ton yang lebih gelap di atas warna yang sedia ada.



▲ Sila imbas



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/cara-melukis-dengan-pelbagai-teknik-catan/> untuk menonton cara melukis dengan pelbagai teknik catan.  
(Dicapai pada 22 Oktober 2020)

### Teknik Kering atas Kering

- Dalam teknik ini, warna yang digunakan tidak dicampur dengan air atau menggunakan sedikit campuran air.
- Warna disapu di atas warna lain yang sudah kering untuk menghasilkan warna yang lain.
- Campuran warna yang pekat akan menampakkan kesan jalinan pada objek yang dihasilkan.



### Teknik Kering atas Basah

- Menggunakan warna terus daripada tiub ke atas permukaan kertas yang basah atau lembap.
- Sesuai untuk menghasilkan kesan legap yang kering.
- Kesan jalinan dapat dilihat pada karya yang dihasilkan dengan sapuan warna yang pekat ke atas lapisan warna yang lain.



Haron Mokhtar  
*Kerbau*  
2007  
Cat air



## Aktiviti Berkumpulan

### Tujuan:

Menjelaskan seni catan daripada aspek media, proses dan teknik.

### Langkah:


1. Bahagikan murid kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan dua contoh lukisan yang berbeza.
3. Setiap kumpulan dikehendaki mengkaji lukisan berkenaan daripada aspek teknik dan asas seni reka.
4. Seorang ahli kumpulan dikehendaki menerangkan hasil dapatan di hadapan kelas dengan menggunakan peta buih.

### Media

### Teknik

### Proses

### Nama Karya



Nazli Hamzah  
*Siri Hijau*  
2019



Abu Zaki Hadri  
*Su'udzon (Bias)*  
2019



Aziezan Ahmad  
*Terung*  
2020



Sabating Ev Baron Kampiau  
*Ikan di Laut, Asam di Darat*  
2010



## Aplikasi Seni

### Catan Kolaj

Anda telah mempelajari teknik-teknik menghasilkan catan. Berdasarkan pengetahuan anda, hasilkan satu karya catan kolaj dengan menggunakan media campuran. Aplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam karya anda.

#### Alat dan Bahan

- Gam
- Gunting
- Surat khabar
- Majalah
- Cat poster
- Berus lukisan
- Kertas lukisan
- Pensel
- Gambar ayam jantan



## Langkah-langkah Penghasilan Catan Kolaj




Koyak kertas majalah dan surat khabar dalam pelbagai saiz dan masukkan ke dalam bekas.



Lukis garisan luar gambar ayam di atas kertas lukisan.



Pastikan gam diletakkan pada cebisan kertas dengan baik dan kemas.



Susun cebisan kertas mengikut warna imej ayam jantan anda. Lakukan dengan cermat. Gunakan kreativiti anda untuk menimbulkan kesan jalinan dan ton pada subjek.



Setelah selesai, semak kemasan hasil tampalan anda.



Warnakan bahagian latar dengan warna yang kontra. Gunakan teknik impasto yang memberi kesan jalinan ke atas karya.



### Ingat

Aspek kebersihan dan keselamatan haruslah diutamakan sepanjang menjalankan aktiviti.

7



Warnakan keseluruhan latar belakang sehingga selesai.



Hasil yang telah siap.



Buat kemasan dan pamerkan di hadapan kelas.

### Hasil Kerja

- Pamerkan hasil kerja anda di dalam kelas.
- Lihat hasil kerja yang telah dihasilkan oleh rakan anda.
- Buat apresiasi terhadap hasil kerja tersebut dengan menekankan teknik asas penghasilan catan kolaj.
- Bincangkan keunikan hasil kerja anda dengan guru dan rakan berdasarkan aspek-aspek prinsip, elemen, konsep, kreativiti dan kesesuaian untuk direalisasikan.

Unit 3 : Catan

Catan Kolaj

APRESIASI SENI





## Rumusan

### Seni Catan

Karya yang dihasilkan menggunakan sapuan media basah melalui pelbagai teknik di atas sesuatu permukaan.

#### Pelukis Tempatan

##### Zaidi Abdullah

- Teknik *glazing*

##### Nazli Hamzah

- Teknik *scumbling*

##### Ismail Baba

- Teknik pointilisme

##### Din Omar

- Teknik *hard edge*

#### Teknik

##### Catan Cat

##### Minyak

- Titik  
(pointilisme)
- *Glazing*
- *Hard Edge*
- *Scumbling*
- Impasto
- Kolaj

##### Catan Cat Air

- Basah atas basah
- Basah atas kering
- Kering atas kering
- Kering atas basah

#### Media

- Cat air
- Cat poster
- Cat minyak
- Cat akrilik

#### Fungsi

- Pernyataan diri
- Menyampaikan mesej
- Merakam sejarah



## Latihan 1

### Pilih jawapan yang tepat.

1. Pernyataan di bawah merupakan fungsi catan **kecuali**,
  - A. Pernyataan diri
  - B. Menjana idea menghasilkan karya
  - C. Medium untuk menyampaikan mesej
  - D. Merakam sejarah
2. Catan teknik *hard edge* dihasilkan melalui
  - A. Sapuan warna secara lembut di atas warna dasar.
  - B. Penggunaan pita pelekat untuk menghasilkan batas warna yang kemas.
  - C. Titik-titik warna menggunakan berus atau hujung kayu.
  - D. Warna yang disapu secara spontan terus daripada tiubnya.
3. Apakah bahantara yang paling sesuai digunakan dalam catan cat minyak?
  - A. Turpentin
  - B. Linsid
  - C. Minyak zaiton
  - D. Kuning telur
4. Apakah yang dimaksudkan dengan pointilisme?
  - A. Catan yang menggambarkan alam semula jadi.
  - B. Menggunakan teknik titik.
  - C. Menggambarkan suasana kehidupan sesuatu suku kaum.
  - D. Catan yang seolah-olah dihasilkan oleh kanak-kanak.



## Latihan 2

1. Apakah perbezaan utama antara cat tempera dengan cat akrilik?


---

2. Berikan dua jenis teknik dalam catan.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

3. Jelaskan teknik yang digunakan dalam karya catan di bawah:



Vincent Van Gogh  
*Starry Night*  
1889  
Cat minyak di atas kanvas

Teknik: \_\_\_\_\_

4. Bincangkan unsur dan prinsip rekaan yang terdapat dalam karya tersebut.

---

5. Pada pendapat anda, apakah teknik yang paling sesuai digunakan untuk menghasilkan catan pemandangan alam semula jadi supaya kelihatan seperti keadaan sebenar?

---

**Definisi Arca**


Arca ialah suatu bentuk hasil seni dalam susunan tiga dimensi. Permukaannya dapat dirasai dan dipandang dari pelbagai sudut. Arca berasal daripada bahasa Latin iaitu *sculpere* bermaksud satu proses mengukir, melarik, mencungkil dan menguris.

Kebanyakan arca yang dihasilkan bersifat realistik atau abstrak. Arca realistik menampilkan objek sebenar yang difahami kewujudannya. Arca abstrak pula bersifat konseptual dan subjek kadangkala tidak menunjukkan gambaran asal dan memerlukan daya pemikiran yang tinggi untuk menginterpretasikan bentuk dan maksud arca tersebut. Perkara ini sesuai dengan peranan pengarca itu sendiri dalam merakam segala pengalaman dalam kehidupan melalui luahan rasa dalam bentuk arca.

Arca mementingkan elemen bentuk, imbalan, ruang, penegasan dan kepelbagaian. Kreativiti pengarca akan memberi maksud yang sangat berkesan kepada kehadiran arca dalam sesuatu ruang.



Anthony Lau  
*Ayam Jantan*  
1963



- Guru menyatakan definisi dan fungsi arca dengan menunjukkan contoh karya arca.

## Fungsi Arca

Arca boleh dilihat di sekitar kita seperti taman permainan, dataran dan taman rekreasi serta berfungsi seperti berikut:

- 1** Dihasilkan di sebuah kawasan atau lokasi dan mengindahkan persekitaran kawasan tersebut.
- 2** Titik fokus atau tumpuan untuk tatapan umum.
- 3** Sebahagian mercu tanda atau pengenalan kepada kawasan pembinaan arca tersebut.
- 4** Menimbulkan keceriaan, keseronokan, hiburan dan keceriaan kepada kanak-kanak serta orang awam.
- 5** Alat simbolik bagi tujuan ritual dan keagamaan.
- 6** Daya tarikan pelancongan.

## Kategori arca

### Arca Estetik

Arca estetik berkait secara langsung dengan bahan yang digunakan oleh pengarca dan cara mereka mengolah bahan menjadi arca.



Taman Tugu Keris

Arca estetik menekankan aspek keindahan dan menyampaikan sesuatu mesej kepada audiens. Arca estetik dipamerkan dalam galeri atau tempat yang sesuai untuk dijadikan sebagai perhiasan ruang dan mudah dilihat. Olahan bahan secara kreatif oleh pengarca melahirkan keupayaan berfikir dan menterjemah subjek serta mempunyai maksud yang tertentu.



Bayu Utomo  
*Lang Kacang*  
1991

## Arca Berfungsi

Arca berfungsi mempunyai nilai keindahan dan berfungsi mengikut tujuan perekaannya. Arca berfungsi ini merupakan jenis arca terawal yang dihasilkan oleh manusia dan menjadi sebahagian daripada keperluan hidup seharian manusia. Contohnya, ukiran arca berbentuk patung juga dijadikan lambang kepercayaan dalam kalangan kaum-kaum di Malaysia dan digunakan dalam upacara keagamaan dan ritual. Selain itu, alatan yang terdapat di taman permainan seperti papan gelongsor dan buaian juga merupakan arca berfungsi. Begitu juga arca seperti kincir air yang berfungsi sebagai alat penyaluran air ke kawasan pertanian.



Tugu Negara



Taman permainan kanak-kanak



Siapakah yang membina Tugu Negara dan bincangkan mengapakah Tugu Negara dihasilkan?

- Bincang bersama-sama guru anda.
- Lakonkan aksi figura yang terdapat pada Tugu Negara.

## Jenis-jenis Arca

### Arca Asemblaj

Asemblaj ialah himpunan bahan-bahan yang disusun, dilekatkan dan mempunyai daya estetik atau cara perletakan yang menimbulkan suatu makna. Kebiasaan aktiviti ini dikaitkan pada himpunan bentuk-bentuk dua dimensi dan boleh dihasilkan dalam bentuk tiga dimensi.

Penciptaan arca asemblaj oleh Marcel Duchamp, iaitu *Bicycle Wheel* merupakan penciptaan terawal dalam bidang seni tangan. Arca ini dibina menggunakan bahan-bahan yang terdapat di persekitaran tempat kediaman.



### Arca Timbulan

Arca ini juga dikenali sebagai arca *relief*. Arca ini dibina daripada hasil karya dua dimensi yang kemudian ditimbulkan menjadi imej tiga dimensi. Arca ini merupakan kombinasi antara ciri-ciri catan dan arca. Arca jenis ini banyak dihasilkan pada bangunan-bangunan keagamaan seperti kuil, gereja dan tokong. Proses memotong, memahat atau mengorek keluar latar belakang berimej figura, alam atau haiwan akan menjadikan figura tersebut timbul daripada permukaan dan kelihatan menarik.



### Arca Binaan

Arca ini biasanya menggunakan besi atau kayu yang diolah secara artistik, iaitu bahan yang sama tanpa mencampurkannya dengan bahan lain. Kaedah acuan juga boleh digunakan dalam menghasilkan arca binaan.



Sebutkan aspek-aspek penting dalam membentuk arca.

## **Arca Mobail**

Arca mobail ialah hasil cantuman daripada pelbagai bahan untuk membolehkannya bergerak dan dibangunkan menjadi sebuah arca. Arca mobail juga dikenali sebagai arca bergerak atau arca kinetik. Arca mobail kebiasaannya digantung di atas siling.

Bahagian mobail dicantum pada sendi untuk membolehkannya bergerak, berputar atau berombak.



## **Arca Stabail**

Arca stabail ialah satu binaan seperti mobail yang boleh bergerak tetapi terawang-awang kerana kedudukan kakinya sahaja yang boleh bergerak. Bahan yang digunakan boleh dipelbagaikan mengikut kreativiti pengarca.

## **Arca Instalasi**

Arca instalasi mengaplikasikan teknik pemasangan dan penyusunan bahan dalam satu ruang nyata berdasarkan satu penceritaan yang dirancang oleh pengarca. Arca ini juga menggabungkan aplikasi medium seperti kain, fiber, besi, kayu dan catan dalam gaya yang sungguh menarik. Proses penghasilan arca instalasi mengambil masa yang panjang dan setiap susunan subjek memberi makna yang tersendiri. Penyusunan objek secara keseluruhan akan mewujudkan penceritaan yang dapat ditafsirkan sebagai sebuah susunan cerita oleh pengarca.





## Aplikasi Seni

### Arca Ayam

Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada empat atau lima orang murid. Setiap kumpulan diminta menghasilkan satu arca ayam berdasarkan sumber ilham daripada karya Anthony Lau yang bertajuk 'Ayam Jantan'.

### Alat dan Bahan Untuk Menghasilkan Arca Ayam Daripada Penyepit Baju



- Pisau NT
- *Masking tape*
- Penyepit baju
- Pemadam
- Botol 1.5 ml
- Pensel
- *Marker pen*
- *Hot glue gun*
- Gambar ayam
- Berus lukisan
- Varnish
- Blok kayu
- Tisu
- Mata hiasan
- Pembaris
- Kotak
- *Cutting mat*
- Templat ayam
- *Chopstick*


#### Nota Guru

- Guru membantu murid mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya arca.


## Langkah-langkah Penghasilan Arca Ayam



Guru diminta menyediakan salinan karya Anthony Lau dan gambar imej ayam jantan sebagai bahan rujukan kepada murid.



Lakar imej ayam jantan. Bahagikan kepada dua bahagian kepala dan ekor menggunakan garisan putus-putus.



Sediakan ketiga-tiga templat ayam.



Ukur botol mengikut ketinggian saiz ayam.



Potong botol mengikut ketinggian saiz ayam.



Tekap templat ayam pada kotak.



Potong templat ayam.



Pada templat ayam pertama, potong mengikut garis putus-putus. Tampal bahagian kepala dan ekor pada kiri dan kanan botol.



Cantumkan templat ayam 2 dan 3 di sebelah kiri dan kanan botol bagi membentuk badan ayam.

10



Gunakan *masking tape* untuk kemasan bentuk asas ayam.

11



Buat kemasan pada bahagian-bahagian antara templat dengan kertas tisu.

12



Tanggalkan besi pada penyeprit baju.

13



Panaskan *hot glue gun* dan cantumkan penyeprit baju ke atas bentuk asas ayam.

14



Lakukan kerja mencantum penyeprit baju sehingga selesai. Gunakan kreativiti anda semasa menyusun penyeprit.

15



Setelah selesai, tampalkan bahagian mata ayam.

16



Hasilkan kaki ayam daripada *chopstick* yang digabungkan. Gunakan penyeprit baju untuk membuat kaki ayam dan gamkan pada *chopstick*.

17



Sapukan varnish pada arca ayam.

18



Setelah siap, pasangkan kaki ayam dengan menggunakan *hot glue gun*.

19



Sapukan varnish pada kaki ayam dan tapak untuk kemasan akhir.



Karya akhir



### Ingat

Aspek kebersihan dan keselamatan haruslah diutamakan sepanjang menjalankan aktiviti.

## Karya arca

- Pamerkan karya anda di taman landskap sekolah.
- Lihat hasil kerja yang telah dihasilkan oleh rakan anda.
- Buat apresiasi terhadap karya dengan menekankan teknik asas penghasilan, proses dan media.
- Bincangkan keunikan karya anda dengan guru dan rakan berdasarkan aspek-aspek prinsip, elemen, konsep, kreativiti dan kesesuaian untuk direalisasikan.



## Rumusan

### Seni Arca

- Arca merupakan karya berbentuk 3 Dimensi (3D) yang mempunyai ruang nyata, jalinan yang boleh disentuh dan bersifat kepelbagaiannya dalam kesatuan.
- Arca juga terdiri daripada dua kategori, iaitu arca estetik dan arca berfungsi.

#### Jenis-jenis Arca

- Asemblaj
- Timbulan
- Mobail
- Stabail
- Instalasi

#### Kategori Arca

- Arca estetik
- Arca berfungsi

#### Fungsi Arca

- Mengindahkan persekitaran.
- Tatapan umum.
- Mercu tanda dan pengenalan.
- Hiburan dan keseronokan orang awam.
- Alat simbolik tujuan ritual dan keagamaan.
- Daya tarikan pelancong.

#### Teknik Menghasilkan Arca

- Acuan
- Memotong dan memahat
- Cantuman
- Pemasangan dan penyusunan



## Latihan 1

Cari perkataan-perkataan yang berkaitan dengan catan dan arca.

BESI

ASEMBLAJ

ARTISTIK

ESTETIK

BINAAN

MOBAIL

TIMBULAN

FIGURA

INSTALASI

REALISTIK

A	T	D	C	B	I	N	A	A	N
B	E	S	T	E	T	I	K	R	D
T	I	M	B	U	L	A	N	T	S
B	A	H	E	I	M	E	J	I	A
K	T	P	S	K	P	S	D	S	X
L	Y	F	I	G	U	R	A	T	Z
I	N	S	T	A	L	A	S	I	J
F	B	M	O	B	A	I	L	K	W
R	E	A	L	I	S	T	I	K	J
N	A	S	E	M	B	L	A	J	L



## Latihan 2

1. Apakah ciri arca yang membezakannya dengan karya catan?

---

2. Apakah perbezaan antara arca dan catan?

<b>Arca</b>
-------------

<b>Catan</b>
--------------

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

3. Arca yang menggunakan tenaga, daya gerak dan terawang-awang dikenali sebagai arca,

---

4. Berikan persamaan dan perbezaan antara arca mobail dan arca stabail.

<b>Mobail</b>
---------------

<b>Stabail</b>
----------------

Persamaan

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

Perbezaan

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_



# Modul 4

# KOMUNIKASI VISUAL

## 4.1 MULTIMEDIA

### Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 4.1.1 Menyatakan maksud multimedia.
- 4.1.2 Menerangkan fungsi multimedia.
- 4.1.3 Menyenaraikan media (perisian), bahan, proses dan teknik dalam penghasilan multimedia.
- 4.1.4 Mengaplikasikan asas seni reka dalam penghasilan multimedia.
- 4.1.5 Menghasilkan rekaan dengan menggunakan teknik yang sesuai dalam penghasilan media.
- 4.1.6 Mempamerkan serta bercerita hasil rekaan multimedia.



Multimedia merupakan teknologi baharu dalam bidang teknologi maklumat. Multimedia mengintegrasikan teks, gambar, suara, animasi dan video disatukan dalam komputer untuk disimpan, diproses dan disajikan secara linear atau interaktif.

## Definisi Multimedia

Istilah multimedia berasal daripada perkataan 'multi' dan 'media'. Multi bererti banyak, dan media bererti tempat, sarana atau alat yang digunakan untuk menyampaikan informasi. Multimedia dapat dirumuskan sebagai wadah atau penyatuan beberapa media yang didefinisikan sebagai elemen-elemen pembentukan multimedia. Elemen-elemen tersebut seperti teks, gambar, suara, animasi dan video.

Gabungan semua elemen multimedia tersebut menjadikan informasi dalam bentuk multimedia dapat diterima oleh indera penglihatan dan pendengaran dan lebih mendekati bentuk aslinya dalam dunia sebenar.

Melalui multimedia, kita dapat menyampaikan pesanan kepada khalayak dalam pola dan bentuk yang lebih menarik. Representasi multimedia boleh digunakan dalam bidang perubatan, pendidikan, hiburan, pengangkutan, perniagaan dan lain-lain. Multimedia boleh dibahagikan kepada dua, iaitu multimedia interaktif dan hiper multimedia.



### Info

Multimedia boleh dibahagikan dalam dua bentuk:

1. Statik
  - Teks
  - Grafik
2. Dinamik
  - Animasi
  - Video
  - Audio

### Nota Guru

- Guru menyatakan definisi multimedia.
- Guru menerangkan fungsi multimedia.

## Elemen Multimedia

Multimedia adalah terdiri daripada dua atau lebih elemen seperti teks, gambar, audio, animasi dan video.



### Teks

Teks merupakan huruf-huruf yang tersusun membentuk satu makna yang boleh difahami. Teks juga merujuk kepada simbol, huruf, abjad dan nombor yang terdiri daripada *font*, saiz, warna dan warna latar belakang *font* yang menjadi asas utama bagi penyebaran maklumat.



### Grafik

Grafik merupakan paparan visual yang tidak bergerak seperti lakaran gambar foto, ilustrasi, carta dan sebagainya.



## Audio

Audio digunakan bagi menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih berkesan dan dapat menimbulkan suasana yang lebih menarik serta menghasilkan tumpuan terhadap isi persembahan.



## Video

Video merupakan siri gambar foto atau grafik yang dipersembahkan dalam satu kadar masa yang pantas dan merupakan suatu persembahan atau paparan yang lebih hidup dan realistik.



## Animasi

Animasi membolehkan sesuatu persembahan yang disampaikan itu kelihatan lebih hidup atau realistik.



Sebutkan garis panduan yang diperlukan dalam aplikasi multimedia yang melibatkan teks.

## Peranan Multimedia

Multimedia berfungsi sebagai perantara dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau komunikasi visual melalui penggunaan perisian dan aplikasi tertentu. Kebiasaannya komputer menjadi media utama dalam penghasilan sesuatu karya multimedia. Multimedia memainkan peranan yang penting dalam pelbagai sektor pendidikan, perubatan, pengangkutan, hiburan dan perniagaan.

### Pendidikan

Multimedia berupaya menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Selain itu, multimedia juga dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam sesi pembelajaran di dalam kelas. Contoh multimedia yang digunakan dalam pendidikan termasuklah pembelajaran atas talian, TV Pendidikan, E-Tutor, kamus elektronik, ensiklopedia elektronik dan buku elektronik.




Pembelajaran atas talian



TV pendidikan


Sumber: Portal Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



Buku elektronik



Kamus elektronik



- Guru menerangkan peranan multimedia.



## Perubatan

Aplikasi multimedia memudahkan pengamal perubatan dalam memantau situasi atau keadaan pesakit melalui peralatan seperti mesin *electrocardiograph* (ECG) yang berfungsi untuk memeriksa denyutan jantung pesakit. Mesin ini turut menjana graf bagi pengamal perubatan menganalisa denyutan jantung pesakit. Selain itu, terdapat juga mesin pengimbas radiografi, mesin pengimbas suhu dan banyak lagi.



Mesin *electrocardiograph* (ECG)



Mesin pengimbas radiografi



Alat pengimbas suhu

## Hiburan


Multimedia juga banyak digunakan dalam bidang hiburan. Banyak permainan kini terdapat dalam bentuk CD-ROM dan mengandungi elemen grafik, animasi, audio dan video. Permainan ini bukan sahaja berbentuk hiburan, tetapi turut mempunyai unsur-unsur pendidikan. Video yang mengisahkan kisah drama, filem dan dokumentari juga boleh didapati melalui video pilihan (*video-on-demand*). Selain itu, terdapat juga filem animasi kanak-kanak yang menarik sebagai hiburan dan sumber pendidikan.



Permainan dalam talian



Animasi Upin Ipin



Video pilihan  
(*video on demand*)

Sumber: Les' Copaque Production Sdn. Bhd.

## Pengangkutan

Aplikasi multimedia turut menyumbang dalam bidang pengangkutan seperti jadual perjalanan kenderaan awam yang dipamerkan di stesen-stesen pengangkutan dapat memberi maklumat kepada pengguna dengan lebih berkesan. Sebahagian kenderaan awam seperti kapal terbang, kapal, kereta api juga turut berfungsi dengan sistem yang telah diprogramkan dan dikawal secara automatik. Aplikasi multimedia dalam sistem navigasi kenderaan awam ini menentukan arah perjalanan, destinasi dan koordinat kapal terbang, kapal dan kereta api. Penjualan tiket di stesen dan terminal pengangkutan awam kini menggunakan kiosk atau belian tiket secara dalam talian.



Kiosk tiket pengangkutan awam



Papan makluman jadual perjalanan di lapangan terbang



Sistem pemanduan dalam pesawat



Monorel antara pengangkutan awam yang dikawal oleh sistem tanpa pemandu

## Perniagaan

Bidang perniagaan memerlukan komunikasi yang boleh dijalankan melalui *verbal*, edaran bahan bercetak, video dan pengiklanan. Multimedia berupaya menggabungkan komunikasi dalam perniagaan menjadi satu daya tarikan yang lebih menarik seperti iklan dalam televisyen tentang produk atau perkhidmatan. Belian atas talian (*online shop*) juga menggunakan multimedia sebagai medium untuk menarik perhatian pelanggan.

Persembahan multimedia yang menarik melalui laman sesawang syarikat perniagaan turut menarik minat pelanggan untuk membeli atau menggunakan perkhidmatan mereka. Selain itu, pembelian melalui kiosk dan mesin layan diri juga membantu dalam perniagaan dan jual beli pada masa kini.



Promosi dan jualan barang melalui televisyen



Syarikat yang menawarkan kaedah belian secara dalam talian



Perniagaan melalui mesin layan diri



Peta petunjuk lokasi digital

## Perkakasan Multimedia

Bagi menghasilkan sesuatu rekaan multimedia, seseorang pereka memerlukan perkakasan asas yang sesuai untuk tugasannya.

### Perkakasan Lukisan Digital



### Perkakasan Persembahan Multimedia



## Media (perisian), Bahan, Proses dan Teknik Dalam Penghasilan Multimedia

Multimedia dihasilkan oleh seorang pereka dengan menggunakan perkakasan, perisian (*software*) multimedia dan bahan yang sesuai dengan tema dan hasil akhir (*output*). Persembahan multimedia memerlukan media perkakasan (*hardware*) dan perisian (*software*) yang sesuai dan penghasilannya perlulah melalui proses dan teknik yang terancang supaya persembahan akhir menepati tema seperti yang diinginkan.



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/logo-perisian-multimedia/> untuk melihat logo-logo perisian multimedia.  
(Dicapai pada 22 Oktober 2020)

### Perisian dan Bahan Multimedia

- 1** Persembahan multimedia boleh dilakukan di dalam perisian berikut:  
*Microsoft PowerPoint, Adobe Persuasion, Active Presentation, Corel Presentations*
- 2** Perisian untuk menghasilkan lukisan  
*Adobe Illustrator, CorelDraw, Corel Painter, Adobe Photoshop, Auto Desk, Affinity Designer, Clip Studio*
- 3** Carta atau Graf  
*Microsoft Excel, GraphPad Prism, SigmaPlot*
- 4** Perisian Pengeditan foto  
*Adobe Photoshop, Adobe Photo Deluxe, Corel Photo Paint, Aurora, GIMP*
- 5** Perisian *Desktop Publishing*  
*Broderbund, Microsoft Publisher, Page Maker, QuarkXpress, Adobe InDesign*
- 6** Perisian Laman Web  
*FrontPage, Adobe PageMill, Macromedia Dreamweaver, WordPress, WIX Stores*
- 7** Perisian Animasi dan 3D  
*AutoCAD, 3D Studio, MacroMedia Director, K-3D, modo, 3D Movie Maker.*

## Proses Penyediaan Multimedia

### Penentuan Tajuk Perbincangan

Tajuk dan tema dipilih merangkumi bahan seperti foto, ilustrasi, grafik, audio, video dan lain-lain.

1

2

### Penyediaan Skrip

Skrip atau jalan cerita multimedia.

3

### Penyediaan Carta Alir

Menentukan carta alir yang sesuai.

4

### Penyediaan Papan Cerita

Tajuk dan tema dipilih merangkumi bahan seperti foto, ilustrasi, grafik, audio, video dan lain-lain.

5

### Pemilihan Perisian Multimedia

Kemahiran menggunakan perisian multimedia. Contoh perisian adalah seperti *Microsoft PowerPoint, Macromedia Director, Active Presentatation* dan banyak lagi.

6

### Penyimpanan atau Penstoran data

Menentukan reka bentuk skrin, audio dan video dalam multimedia.

## Teknik Penghasilan Multimedia Dengan Menggunakan Perisian (Software) Microsoft PowerPoint



*Microsoft PowerPoint* merupakan sebuah pakej perisian persembahan elektronik yang lengkap dengan kemudahan dalam menghasilkan elemen-elemen multimedia yang utama seperti grafik, animasi dan interaktiviti.






## Aplikasi Seni


Lebah

### Proses dan Teknik Menghasilkan Persembahan Animasi Multimedia Menggunakan Perisian *PowerPoint*.

Aktiviti: Anda dikehendaki menyediakan satu persembahan multimedia untuk halaman rangsangan sebuah video animasi kanak-kanak.




Buka fail baharu dalam perisian *PowerPoint*.




#### Nota Guru

- Guru diminta menyediakan koleksi audio yang sesuai.
- Murid mengaplikasikan asas seni reka dalam penghasilan multimedia.




2

Klik *Insert* → *Pictures* → *This Device* atau PC untuk memasukkan imej latar belakang daripada koleksi dalam komputer anda. Besarkan imej dengan menarik titik di tepi imej supaya memenuhi ruang.




3

Klik *3D Models* → *Stock 3D Models*. Kemudian, klik *Insert*.




4

Klik pada imej yang dipilih tadi dan ubah saiz mengikut keperluan. Drag imej keluar daripada ruangan persembahan dengan menggunakan *mouse*.




5

Ulang langkah 3 dan 4 untuk memasukkan imej dan saiz daun mengikut keperluan. Sekiranya ingin menambahkan imej-imej tersebut, klik imej menggunakan *mouse*. Kemudian, klik kanan pada *mouse* dan pilih (*copy and paste*).




6

Susun daun untuk memperbanyakkan imej dengan menggunakan kaedah *copy and paste*.



7

Pilih audio daripada koleksi audio. Letakkan ikon audio di penjuru bawah halaman.



8

Klik *WordArt* untuk memasukkan tajuk video. Pilih ruangan yang bersesuaian dan taipkan tajuk.




9

Drag kotak tajuk ke bawah ruangan persembahan.




10


Ulang langkah 8 untuk memasukkan nama murid.



11 Klik pada tajuk (LEBAH) → Animations → Add Animation → Motion Paths → Lines (untuk menentukan arah dan daya pergerakan tajuk). Drag titik merah ke atas dan klik dua kali untuk menetapkan kedudukan.




12 Klik Start dan setkan kepada With Previous. Langkah ini adalah untuk menentukan semua objek bergerak serentak.



13

Ulang langkah 11 pada imej dan *WordArt* yang lain bagi mendapatkan kepelbagaiannya pergerakan *WordArt* untuk setiap imej. Klik *More Motion Path* → *Add Motion Path* → pilih arah pergerakan yang diingini.




14

Klik pada lebah yang utama → *Animations* → *Add Animation* → putih pergerakan. Pada *Start* → *After Previous* → tentukan masa: 05.00.



I 5

Klik *WordArt* (nama murid) → ulang langkah I4 → *Start* → *After Previous*.



I 6

Bagi menyimpan hasil kerja, klik *File* → *Save As* → *Folder* → masukkan nama pada *File Name* → *Save*.



17

Klik *Slide Show* → *From Beginning*. Bagi menyaksikan persembahan animasi yang telah dihasilkan, *open file* tersebut.



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/slide-show-lebah/> untuk melihat persembahan *slide show* Lebah menggunakan *Microsoft PowerPoint*.  
(Dicapai pada 22 Oktober 2020)

## TUMPU GALERI

### Tujuan

Menjana persembahan hasil karya seni digital, membuat pemerhatian dan mengemukakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya.

### Bahan


Murid perlu menggunakan bahasa seni visual yang tepat untuk menerangkan proses rekaan yang dihasilkan.

### Langkah

1. Pamerkan semua karya murid di papan kenyataan kelas.
2. Murid dan guru akan bergerak melawat semua rekaan yang dipamer.
3. Murid dikehendaki menerangkan tentang rekaan mereka dengan menggunakan peralatan multimedia.
4. Murid perlu menggunakan bahasa seni visual yang tepat untuk menerangkan proses rekaan yang dihasilkan.



## Rumusan





## Latihan 1

1. Multimedia ialah kesepaduan beberapa unsur **kecuali**,
  - A. teks
  - B. suara
  - C. majalah
  - D. animasi
2. Apakah elemen multimedia yang merakam gambar atau filem yang bergerak secara berturutan?
  - A. Audio
  - B. Teks
  - C. Grafik
  - D. Video
3. Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan animasi.
  - A. Animasi ialah paparan susunan imej reka bentuk atau posisi model yang pantas bagi menghasilkan ilusi pergerakan.
  - B. Animasi merupakan multimedia yang terhasil daripada rakaman filem secara berturutan.
  - C. Animasi ialah gelombang yang dihasilkan oleh jutaan molekul-molekul dalam medium seperti udara.
  - D. Animasi ialah gabungan rakaman gambar dan filem yang berturutan.
- 4.




Namakan perkakasan (*hardware*) yang ditunjukkan di atas?

- A. Kamera
- B. Kamera audio
- C. Pengimbas
- D. Peranti audio



## Latihan 2



### Melintang

1. \_\_\_\_\_ bermaksud pengguna boleh berinteraksi dan mengambil bahagian di dalam sesuatu persembahan atau penyampaian maklumat.
4. \_\_\_\_\_ ialah bunyi iaitu gelombang yang dihasilkan oleh getaran molekul-molekul dalam medium seperti udara.
6. \_\_\_\_\_ merupakan sebarang paparan visual termasuklah lukisan dan kerja-kerja seni dengan menggunakan teknologi komputer.

### Menegak

2. \_\_\_\_\_ juga merujuk kepada simbol, huruf, abjad, nombor, statistik serta pelbagai jenis tulisan dan *font* yang menjadi asas utama bagi penyebaran maklumat.
3. Media perkakasan (*hardware*) yang digunakan dalam penghasilan multimedia termasuklah pengimbas, kamera video, peranti audio, peranti penangkap video dan \_\_\_\_\_.
5. Multimedia juga dapat meningkatkan \_\_\_\_\_ murid dalam sesi pembelajaran di dalam kelas.



# Modul 5

# REKA BENTUK

## 5.1 REKA BENTUK PERSEKITARAN

### Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 5.1.1 Menyatakan maksud reka bentuk landskap.
- 5.1.2 Menerangkan fungsi reka bentuk landskap.
- 5.1.3 Menyenaraikan media, bahan, proses dan teknik dalam penghasilan reka bentuk landskap.
- 5.1.4 Mengaplikasikan asas seni reka dalam penghasilan reka bentuk landskap.
- 5.1.5 Menghasilkan rekaan dengan menggunakan teknik yang sesuai dalam penghasilan reka bentuk landskap.
- 5.1.6 Mempamerkan serta bercerita hasil rekaan.

# Reka Bentuk Persekutaran

Reka bentuk persekitaran merupakan seni perancangan, penyusunan dan penghiasan ruang persekitaran untuk meningkatkan keindahan dan nilai estetika kepada alam sekitar seiring dengan fungsinya.

Proses menghasilkan persekitaran perlu dirancang dan disusun dengan teliti supaya kelihatan lebih cantik dan harmoni. Landskap persekitaran bermaksud penggabungan unsur alam semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan dan binaan seperti pergola, gazebo dan lain-lain. Elemen semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan, batu-batan dan elemen buatan manusia digabungkan untuk menimbulkan suasana yang harmoni serta mewujudkan persekitaran yang lebih terancang.

## Definisi Landskap

Landskap merupakan hiasan reka letak di luar rumah atau bangunan sama ada secara semula jadi seperti tumbuhan, bukit, gunung dan tasik atau buatan manusia seperti pergola, bangunan, dan gazebo.

## Definisi Reka Bentuk Landskap

Reka bentuk landskap ialah seni membentuk dan menyusun elemen-elemen landskap seperti tumbuh-tumbuhan, struktur, air dan batu-batan yang terdapat pada sesuatu kawasan luaran serta memperkayakan ruang-ruang tersebut dengan menyusun unsur-unsur seni melalui proses dan prinsip-prinsip reka bentuk.



- Guru memberi contoh gambar landskap persekitaran untuk dibincangkan dalam kumpulan.


## Fungsi Reka Bentuk Lanskap

Tumbuh-tumbuhan, bukit-bukau, gunung-ganang, tasik dan bangunan merupakan elemen penting dalam sesuatu reka bentuk landskap kerana mempunyai fungsi yang besar dari aspek estetik, ekonomi dan fizikal. Fungsi reka bentuk landskap adalah seperti berikut:

**1**

### Estetik

- Mencantikkan pemandangan.
- Membentuk ruang yang lebih cantik dan menarik.
- Melembutkan persekitaran dan pemandangan pada bangunan atau ruang.
- Mengelakkan kebosanan.
- Mengelakkan kebosanan.



### Info

Hijas bin Kasturi merupakan antara arkitek landskap terkenal di Malaysia. Beliau merupakan pelopor kepada rekaan kontemporari dengan menggabungkan reka bentuk landskap di kawasan binaan bangunan. Antara projek beliau yang terkenal ialah Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dan Kompleks Bangunan Telekom Malaysia.

Sumber: Badruddin Razak

Penstrukturkan ruang dengan penyusunan secara seimbang antara alam dan manusia membentuk ruang lebih cantik dan menarik.

Landskap di kawasan ruang legar (*courtyard*) mewujudkan kesan keseimbangan antara struktur bangunan dan kawasan lapang serta melembutkan pemandangan bangunan.

#### Nota Guru

- Guru berbincang dengan murid tentang kerjaya arkitek landskap dan peluang kerjaya dalam bidang reka bentuk landskap.

- Memberi kesan kepada pengudaraan, penambahan oksigen kepada alam dan manusia serta membentuk gaya hidup sihat.
- Memberi faedah kepada rakyat dan negara dari segi rekreasi, kesihatan, pendidikan dan pelancongan.
- Sumber pendapatan kepada pereka landskap.
- Sumber ilham kepada pengkarya seni.



Landskap persekitaran dengan pembinaan jeti yang panjang menambah keindahan pantai Pulau Perhentian, Besut, Terengganu dan menjadi tarikan pelancong.



Seni bina berdasarkan lego merupakan satu keunikan kepada keseluruhan reka bentuk landskap yang berstruktur.



Keindahan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terancang dan sistematik dapat menarik perhatian pengunjung.

### 3 Fizikal

- Mengawal suhu persekitaran.
- Mengawal pencemaran udara.
- Mengurangkan masalah hakisan tanah.
- Menyerap bunyi bising.
- Mengimbangi ekologi kehidupan flora dan fauna.



Pembentukan kontur pada kawasan lereng bukit dan tanah tinggi membantu mengurangkan masalah hakisan tanah.



Pelbagai spesies tumbuhan mengimbangi ekologi kehidupan flora dan fauna.

## Prinsip dan Elemen Reka Bentuk Lanskap

Prinsip reka bentuk landskap merupakan tatacara menyusun atur dan mengolah elemen-elemen landskap seperti tumbuh-tumbuhan, batu-batan, air terjun, kolam, gazebo, pergola dan lain-lain.

Secara umumnya, terdapat enam prinsip dan empat elemen reka bentuk landskap.

Prinsip	Elemen
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepelbagaian</li> <li>• Keringkasan</li> <li>• Penegasan</li> <li>• Kesatuan</li> <li>• Imbangan</li> <li>• Irama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Topografi</li> <li>• Tumbuhan</li> <li>• Struktur</li> <li>• Air</li> </ul>

#### Nota Guru

- Senaraikan tempat-tempat pelancongan dan taman rekreasi yang terkenal di Malaysia.
- Bincangkan keunikan setiap tempat tersebut. Anda boleh menghasilkan folio secara berkumpulan.

## Prinsip Reka Bentuk Landskap

### ■ Penegasan

Penegasan bermaksud satu tumpuan atau fokus terhadap sesuatu elemen khusus yang mempunyai ciri landskap menarik dan menonjol. Penegasan akan mewujudkan perhatian dan mengawal pandangan dengan rupa bentuk atau ketinggian yang berbeza, jalinan yang berbeza dan warna yang terang.



### ■ Kepelbagaian

Kepelbagaian bermaksud kombinasi beberapa elemen dalam sesuatu reka bentuk landskap. Kepelbagaian ini dapat diterjemahkan melalui kombinasi elemen seperti bentuk, warna, saiz dan jalinan yang bertujuan untuk mengelakkan kebosanan.

### ■ Imbangan

Imbangan ialah hubungan antara kombinasi elemen-elemen dalam landskap. Imbangan boleh diwujudkan dalam reka bentuk landskap secara simetri atau tidak simetri. Namun begitu,imbangan penggunaan tidak simetri lebih diminati kerana tidak kelihatan kaku dan lebih bersifat semula jadi.





### ■ Keringkasan

Keringkasan ialah cara susunan dan kesatuan reka bentuk landskap supaya kelihatan ringkas, teratur dan menarik. Gunakan elemen-elemen penting sahaja seperti tumbuh-tumbuhan, air dan struktur binaan yang bersesuaian.

### ■ Irama

Irama merujuk kepada perubahan dalam reka bentuk landskap dibuat secara berperingkat mengikut turutan dari segi bentuk, saiz, jalinan dan warna.



### ■ Kesatuan

Kesatuan ialah penyatuan antara elemen-elemen reka bentuk landskap untuk mendapatkan satu konsep tertentu. Susunan yang digunakan perlulah ringkas dan mengaplikasikan yang perlu sahaja. Gabungan pelbagai elemen yang tidak dirancang akan mengakibatkan sesebuah landskap itu kelihatan berserabut dan tidak menarik.

## Elemen Reka Bentuk Lanskap

Elemen dalam reka bentuk landskap terbahagi kepada empat iaitu tumbuhan, topografi (rupa bentuk muka bumi), air dan struktur.

### ■ Tumbuhan

Pemilihan jenis tumbuhan merupakan elemen yang paling penting dalam reka bentuk landskap. Pemilihan tumbuhan dari segi saiz, tekstur dan warna perlu diberi perhatian supaya bersesuaian dengan fungsi fizikal dan estetiknya.



### Jenis Tumbuh-tumbuhan

Antara tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam reka bentuk landskap ialah:

Tumbuhan tutup bumi seperti pokok kacang tutup bumi, rumput, ros jepun dan kemunting cina mempunyai ketinggian antara 15 cm hingga 30 cm.



Pokok melilit seperti pokok bunga kacang telang, ara jalar dan bunga corong sesuai ditanam di pergola dan pagar.

Sumber: Hj Mat bin Hj Jantan

Pokok renek merupakan tumbuhan kecil dan rendah yang ditanam secara berkelompok sebagai pagar hiasan pejalan kaki dan sebagai pembahagi ruang.



Pokok palma ialah spesies berbatang tegak dan lurus dan daunnya mempunyai pelepah. Pokok ini membiak melalui pembahagian rumpun seperti pokok serdang, pinang raja dan palma raya.

## ■ Topografi



Topografi bermaksud rupa bentuk muka bumi seperti gunung-ganang, bukit bukau, lembah, sungai, tasik dan tanah pamah. Topografi buatan manusia pula ialah seperti busut kecil, perigi, batas tanaman dan kolam. Dalam seni landskap, pengubahsuaian topografi yang asal dilakukan bertujuan untuk mengubah arah pengaliran sedia ada, melindungi pemandangan yang tidak menarik, membentuk ruang-ruang tertentu dan mengarahkan pemandangan atau mewujudkan titik tumpuan.

## ■ Air

Air merupakan satu elemen yang menarik dalam landskap kerana berfungsi memantulkan cahaya, memberi kesan sejuk nyaman, bunyi dan pergerakan. Selain itu, air juga digunakan untuk aktiviti rekreasi. Elemen air boleh diterapkan dengan mewujudkan air terjun, kolam atau pancuran air.



## ■ Struktur

Struktur berfungsi memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pengguna. Struktur yang dibina perlu diperbuat daripada bahan yang tahan lasak dan mudah dijaga seperti konkrit, batu dan kayu jenis keras atau logam. Contoh struktur yang dibina ialah wakaf, gazebo, pergola, bangku, kerusi taman, laluan pejalan kaki dan lain-lain.

## Alat, Media dan Bahan dalam Penghasilan Pelan dan Reka Bentuk Lanskap



## Fasa Penghasilan Proses Pelan Reka Bentuk Lanskap





## Aplikasi Seni

### Pelan Reka Bentuk Lanskap

#### Alat dan Bahan



- Pen *marker* berlainan warna dan saiz
- Pen teknikal
- Pensel
- Pemadam
- Pembaris
- Pembaris segi tiga
- Pensel warna
- Pisau NT
- Kertas lukisan

## Penghasilan Lukisan Pelan Reka Bentuk Lanskap

1


- Mengenal pasti tema dan konsep, prinsip-prinsip reka bentuk landskap iaitu kepelbagaian, penegasan, keringkasan, imbangan, irama dan kesatuan.
- Membuat pengiraan kadar banding atas tanah dan kertas untuk membina skala yang tepat.



Contoh landskap mini konsep Melaju sebagai sumber ilham.

2

- Membuat lakaran-lakaran awal konsep yang dipilih secara ringkas di atas kertas A4 dengan menggunakan peta buih.




Contoh pelan cadangan dan analisis.

### Nota Guru:

- Guru menjelaskan proses menghasilkan pelan seiring dengan langkah-langkah penghasilan pelan reka bentuk landskap.



3

- Memasukkan simbol-simbol untuk mewakili tanaman, objek dan binaan.



4

- Membuat perkembangan idea berdasarkan lakaran yang dibuat.



5

- Mengemas kini lakaran dengan menggunakan skala yang sesuai.



6

- Membuat pengolahan warna (*rendering*) yang sesuai.



- Hasil akhir.



## Hasil Kerja

- Pamerkan hasil kerja anda di dalam kelas.
- Lihat hasil kerja yang telah dihasilkan oleh rakan anda.
- Buat apresiasi terhadap hasil kerja tersebut dengan menekankan teknik asas penghasilan reka bentuk landskap.
- Bincangkan keunikan hasil kerja anda dengan guru dan rakan-rakan berdasarkan aspek-aspek prinsip, elemen, konsep, kreativiti dan kesesuaian untuk direalisasikan.





## Rumusan

### Reka Bentuk Persekutaran



Reka bentuk landskap ialah membentuk dan menyusun elemen-elemen landskap seperti tumbuh-tumbuhan, struktur, air dan batu-batan yang terdapat pada sesuatu kawasan luaran serta memperkayakan ruang-ruang tersebut dengan menyusun unsur-unsur seni melalui proses dan prinsip-prinsip reka bentuk.

#### Fungsi Reka Bentuk Landskap



1. Estetik
2. Ekonomi
3. Fizikal

#### Prinsip Reka Bentuk Landskap



1. Penegasan
2. Kepelbagaiian
3. Imbangan
4. Keringkasan
5. Irama
6. Kesatuan

#### Elemen Reka Bentuk Landskap



1. Tumbuhan
  - Tumbuhan tutup bumi
  - Pokok melilit
  - Pokok renek
  - Pokok palma
2. Topografi
3. Air
4. Struktur



## Latihan 1

1. Cari beberapa pelan landskap yang bagus mengikut prinsip dan elemen yang telah dipelajari daripada Internet.
2. Bentangkan hasil dapatan anda kepada rakan-rakan.



## Latihan 2

1. Lihat tumbuh-tumbuhan yang terdapat di persekitaran anda dan kenal pasti kepentingannya.
2. Senaraikan akibat jika pembentukan reka bentuk landskap tidak mengambil kira peranan tumbuh-tumbuhan.
3. Gunakan pendekatan multimedia untuk membentangkan hasil perbincangan anda.



▲ Sila imbas



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/pelan-landschap/> untuk melihat contoh-contoh pelan landskap.  
(Dicapai pada 29 Oktober 2020)



- Latihan 1 dan 2 boleh digabungkan dalam satu persembahan multimedia.



## 6.1 UKIRAN KAYU

### Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 6.1.1 Menyatakan maksud ukiran kayu.
- 6.1.2 Menerangkan fungsi ukiran kayu.
- 6.1.3 Menyenaraikan media, bahan, proses dan teknik dalam penghasilan ukiran kayu secara konvensional dan kontemporari.
- 6.1.4 Menghasilkan rekaan dengan menggunakan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan ukiran kayu.
- 6.1.5 Mempamerkan serta bercerita hasil rekaan.

# Modul 6

# KRAF TRADISIONAL DAN DIMENSI BAHARU



## 6.2 SENI TEKAT

### Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 6.2.1 Menyatakan maksud seni tekat.
- 6.2.2 Menerangkan fungsi seni tekat.
- 6.2.3 Menyenaraikan media, bahan, proses dan teknik dalam penghasilan seni tekat secara konvensional dan kontemporari.
- 6.2.4 Mengaplikasikan asas seni reka dalam penghasilan seni tekat.
- 6.2.5 Menghasilkan rekaan dengan menggunakan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan seni tekat.
- 6.2.6 Mempamerkan serta bercerita tentang hasil rekaan.

## Ukiran Kayu

### Definisi Ukiran Kayu

Ukiran kayu merupakan hasil seni rupa yang terulung dan menjadi satu tradisi dalam masyarakat Melayu sejak turun temurun. Seni ukiran dalam kehidupan masyarakat Melayu dilihat melalui ukiran-ukiran pada masjid, rumah kediaman, istana, makam, perabot, senjata, kepala sampan dan peralatan kegunaan harian.

Ukiran kayu merupakan hasil ukiran kepingan kayu untuk membentuk corak-corak yang menarik. Seni ukiran merupakan proses kerja mengukir dan memahat kayu mengikut reka corak yang tertentu dengan menggunakan alatan seperti pahat, pisau dan sebagainya. Kebiasaannya ukiran kayu tradisional mempunyai motif-motif yang unik. Motif-motif yang digunakan melibatkan unsur flora, fauna, kosmos, geometri dan kaligrafi.



#### Nota Guru

- Guru menjelaskan definisi ukiran kayu.

## Fungsi Ukiran Kayu

Ukiran merupakan pernyataan estetik pengukir terhadap pemerhatian mereka kepada alam. Pengukir mengolah flora dan fauna daripada alam semula jadi untuk dijadikan ilham ukiran. Fungsi ukiran kayu dipelbagaikan mengikut peredaran masa. Namun demikian, motif ukiran yang dihasilkan mengikut cita rasa pengguna tetapi masih mengekalkan nilai estetiknya.



Hiasan pada alat permainan tradisional seperti congkak, gasing dan seruling.



Rehal digunakan sebagai tempat meletak al-Quran.



Ukiran hiasan pada pintu rumah.



Hiasan pada hulu keris.



Hiasan pada kepala perahu.

Ihsan daripada Muzium Seni Asia, Universiti Malaya



- Guru menerangkan fungsi ukiran kayu berserta gambar.

## Jenis-jenis Ukiran Kayu

Seni ukiran kayu merupakan seni pertukangan yang menjadi tradisi masyarakat Melayu sejak turun-temurun. Terdapat beberapa jenis ukiran kayu yang menjadi identiti masyarakat Melayu iaitu ukiran layang, ukiran bunga timbul, ukiran tebuk tembus, ukiran arca dan ukiran larik.

### Ukiran Layang

- Ukiran layang dibuat pada permukaan kayu dan bahagian latar corak tidak ditebuk.
- Ukiran silat hanya dibuat pada corak yang dihasilkan.
- Teknik guris digunakan kerana motif ukiran adalah ringkas.
- Ukiran layang terdapat pada sarung keris dan perabot seperti katil, almari, kerusi dan lain-lain.



Contoh ukiran layang

### Ukiran Bunga Timbul

- Ukiran bunga timbul dihasilkan pada permukaan kayu dengan bahagian latar corak ditebuk untuk menimbulkan motif.
- Ukiran jenis ini biasanya terdapat pada perabot, mimbar masjid, barang hiasan dan lain-lain.



Contoh ukiran bunga timbul

## Ukiran Tebuk Tembus

- Ukiran tebuk tembus dihasilkan pada permukaan kayu yang ditebuk sehingga tembus.
- Motif dan corak yang dihasilkan menggunakan gerudi, gergaji atau pahat.
- Terbahagi kepada dua jenis, iaitu ukiran tebuk tembus bersilat dan ukiran tebuk tembus tanpa silat.
- Ukiran tebuk tembus berfungsi sebagai pengalir udara secara tradisional yang terdapat pada tingkap dan bahagian atas dinding rumah.



Ukiran tebuk tembus tanpa silat



Ukiran tebuk tembus bersilat

## Ukiran Larik

- Ukiran berbentuk bulat pada batang kayu yang diukir dengan menggunakan mesin atau alat larik.
- Ukiran ini banyak didapati di bahagian selasar (serambi rumah), kaki perabot, tiang, tongkat, perhiasan rumah, alat permainan dan sebagainya.



Contoh ukiran larik

## Ukiran Arca


- Ukiran yang berbentuk tiga Dimensi (3D).
- Corak yang digunakan dalam ukiran arca ialah jenis ukiran timbul yang dihasilkan dengan lebih halus dan kecil.
- Ukiran arca banyak terdapat pada hulu senjata serta peralatan domestik seperti kukur kelapa dan congkak.



Kukur kelapa


## Bentuk-bentuk Silat

Silat merupakan reka bentuk ukiran timbul yang menonjolkan motif bunga ukir pada permukaan kayu. Terdapat lima jenis silat yang digunakan dalam ukiran tradisional Melayu. Bentuk-bentuk silat ini digunakan mengikut kesesuaian jenis ukiran di samping menimbulkan pergerakan dan bentuk.




### Silat Belah Rotan

- Silat ini berbentuk separuh bulat seperti rotan yang dibelah dua.
- Silat belah rotan diukir sebagai ranting atau dahan pada motif flora.



### Silat Leper

- Bentuk silatnya menyerupai silat belah rotan tetapi lebih leper dan rendah. Bentuk silat ini paling mudah dan cepat untuk disiapkan.




### Silat Serong

- Corak diukir secara menyerong, melengkung atau curam untuk menimbulkan bentuk pada bahagian tepi. Silat jenis ini sangat menitikberatkan ukiran pada corak tepi sesuatu motif.



### Silat Minangkabau

- Bentuk asas silatnya menyerupai bentuk atap rumah masyarakat Minangkabau, iaitu bahagian tepi corak silat Minangkabau dibentuk menyerong, manakala bahagian tengahnya dibentuk menjam.



### Silat Dada Tuma

- Mempunyai bentuk seperti silat belah rotan tetapi bahagian tengahnya dilengkungkan.

## Seni Ukiran Kayu Konvensional

Seni ukiran kayu konvensional bermaksud seni ukir yang mengekalkan teknik dan motif bunga ukir yang menjadi identiti ukiran Melayu tradisi.

### Contoh Ukiran Kayu Konvensional



Ukiran pada tingkap rumah tradisional Melayu



Ukiran pada pemidang kayu

Sumber: Salehin bin Sarbini

## **Seni Ukiran Kayu Kontemporari**

Seni ukiran kayu kontemporari bermaksud gabungan elemen-elemen yang baharu dalam rekaan yang bersifat semasa dan setempat. Gabungan tersebut juga diilhamkan daripada asas ukiran tradisional dengan mengolah idea untuk mendapatkan ciptaan baharu.

### **Contoh Ukiran Kayu Kontemporari**



Motif: Tanjung  
Pola: Bujang atau putu  
Teknik: Tembus bersilat  
Bahan: Kayu cengal



Motif: Bunga matahari  
Teknik: Ukiran 3D  
Bahan: Kayu cengal



Ukiran jam dinding

Sumber: Zarir Abdullah

Sumber: Khairul Nizar Syah  
bin Abdul Jabar



Ukiran kaligrafi ayat al-Quran

## Alatan dan Bahan

### Alatan

Proses mengukir memerlukan alatan yang sesuai supaya motif yang akan dihasilkan kelihatan cantik dan kemas. Antara alatan yang digunakan semasa proses mengukir ialah pahat ukiran, gandin kayu, pisau wali, apit G dan pemutar skru. Kesemua alatan ini mempunyai fungsi masing-masing.

#### Pahat ukiran

Digunakan untuk menebuk, meratakan dan melicinkan blok kayu.



#### Pisau wali

Digunakan untuk mengikis dan melicinkan silat.



#### Pemutar skru

Digunakan untuk mengetatkan penyangkut skru.



#### Gandin kayu

Digunakan untuk mengetuk pahat untuk menebuk kayu.



#### Apit G

Digunakan untuk mengapit dan mengikat blok kayu.



#### Nota Guru


- Guru menyenaraikan media, bahan, proses dan teknik dalam penghasilan ukiran kayu secara konvensional dan kontemporari.

## Bahan

Bahan utama yang digunakan dalam seni ukiran ialah blok kayu. Bahan-bahan lain juga diperlukan seperti syelek, berus, kertas karbon, kertas pasir, sarung tangan, *card ring*, penyangkut tanda nama dan skru dawai. Bahan-bahan ini digunakan untuk menjadikan seni ukiran lebih menarik dan tahan lama.

### Kertas karbon

Digunakan untuk menekap motif ukiran pada blok kayu.



### Bahan kemasan syelek dan berus

Digunakan untuk mencantikkan ukiran.



### Kertas pasir

Digunakan untuk melicinkan corak ukiran kayu.



### Penyangkut tanda nama kelas

Digunakan untuk menyangkut tanda nama kelas.



### Blok kayu

Bahan utama yang digunakan dalam ukiran kayu.



### Sarung tangan

Digunakan untuk melindungi tangan daripada terkena syelek semasa proses kemasan dijalankan.



### Card ring

Digunakan untuk menggantung kertas nama kelas.



### Skru dawai

Digunakan untuk menyangkut *card ring*.



## Proses Seni Ukiran





## Aplikasi Seni

### Penyangkut Tanda Nama Kelas (Ukirian Tebuk Timbul)

#### Alat dan Bahan

- Blok kayu
- Apit G
- Gandin kayu
- Pahat ukiran
- Pisau wali
- Kertas A4
- Pensel
- *Masking tape*
- Gunting
- Sarung tangan
- Kertas pasir
- Kertas karbon
- Berus
- Syelek
- Skru dawai
- Penyangkut tanda nama
- *Card ring*

#### Langkah-langkah Penghasilan



1

Lakarkan motif ukiran bunga tanjung dan geometri di atas kertas A4 dengan menggunakan pensel.

2

Lekatkan kertas karbon pada kiri dan kanan blok kayu dengan menggunakan *masking tape*.


#### Nota Guru

- Guru membimbing murid menghasilkan rekaan dengan menggunakan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan ukiran kayu.



- 3** Gunting lakaran yang dihasilkan mengikut saiz blok kayu.

- 4** Lekatkan *masking tape* pada kiri dan kanan blok kayu untuk memastikan kertas lakaran tidak bergerak.



- 5** Tekap hasil lakaran di atas blok kayu.

Hasil tekap yang telah siap.



**Ingat**

Aspek kebersihan dan keselamatan haruslah diutamakan sepanjang menjalankan aktiviti.



6

Ukir mengikut motif yang telah ditekap dengan menggunakan gandin kayu, pahat dan pisau wali.



7

Ukiran akhir pada motif geometri.

8

Gunakan kertas pasir untuk kemasan.



- 9 Sapukan syelek pada blok kayu. Kemudian, jemur sehingga kering.



- 10 Kemaskan blok ukiran menggunakan kertas pasir.



- 11 Syelek sekali lagi.



- 12 Pasang skru dawai.



- 13 Ketatkan skru penyangkut dengan menggunakan pemutar skru.



- Hasil akhir karya.



## Hasil Kerja

- Pamerkan hasil kerja anda di dalam kelas.
- Lihat hasil kerja yang telah dihasilkan oleh rakan anda.
- Buat apresiasi terhadap hasil kerja tersebut dengan menekankan aspek unsur seni dan prinsip rekaan yang telah dibuat.
- Buat perbandingan antara hasil kerja kamu dengan hasil kerja rakan anda, kemudian bincangkan.
- Gantung papan tanda nama kelas di pintu kelas anda.





## Rumusan

### Seni Ukiran Kayu

Konvensional

Kontemporari

#### Fungsi Ukiran Kayu

1. Hiasan pada alat permainan.
2. Sebagai tempat meletak al-Quran.
3. Hiasan pada pintu dan tingkap rumah.
4. Hiasan pada hulu keris.
5. Hiasan pada kepala perahu.

#### Jenis Ukiran Kayu

1. Ukiran layang
2. Ukiran bunga timbul
3. Ukiran tebuk tembus
  - Tebuk tembus bersilat
  - Tebuk tembus tanpa silat
4. Ukiran larik
5. Ukiran arca

#### Bentuk-Bentuk Silat

1. Silat belah rotan
2. Silat leper
3. Silat serong
4. Silat minangkabau
5. Silat dada tuma

### Proses Seni Ukiran

Penyediaan Blok Kayu

Melukis Corak Motif

Menyurih Motif Rekaan pada Blok Kayu

Kemasan Akhir

Mengilat

Mengukir



## Latihan 1

Hasilkan sekeping sijil dengan menggunakan pengulangan pola itik pulang petang atau pucuk rebung sebagai jeda.



### Nota Guru

- Guru boleh menggunakan bahan-bahan lain seperti polisterin, gabus, *mounting board*, *PU Board*, *plaster of Paris* sebagai bahan alternatif lain.



## Latihan 2

Susun dan tulis semula enam proses seni ukiran berikut.

Melukis corak motif

Penyediaan  
blok kayu

Mengukir

Menyurih motif  
rekaan pada kayu

Kemasan akhir

Mengilat

1

2

3

4

5

6



- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

## Seni Tekat

Seni tekat termasuk dalam jenis tekstil yang dihasilkan dengan cara menekat benang ke atas kain dasar jenis baldu. Tekat juga disebut sebagai suji timbul iaitu menekat timbul atau tekat bersuji. Suji sering dikaitkan dengan tekanan benang sutera sama ada ditekat atau disuji. Ragam hiasnya dibentuk sama, iaitu dalam keadaan yang timbul dari permukaan dasar kain kerana bahagian dalamnya diisi dengan mempurur.

### Definisi Seni Tekat


Seni tekat merupakan proses tekanan benang emas atau benang perak secara berulang-ulang sehingga menutupi mempurur pada kain baldu untuk menghasilkan motif hiasan timbul.

Hasil tekat boleh diperoleh dalam dua bentuk, iaitu dua Dimensi (2D) dan tiga Dimensi (3D). Rupa bentuk 2D seperti kipas, tirai kelambu, selempang, lapis dulang atau tetampan. Manakala rupa bentuk 3D seperti tepak sirih, sarung bantal, kasut, beg tangan dan tudung saji.



#### Info

Sebutan lain untuk seni tekat ialah tuji timbul, suji timbulan, tekat bersuji dan tekanan.



Proses menjahit benang emas pada mempurur untuk menghasilkan seni tekat.



- Guru menyatakan definisi seni tekat.

## Motif-Motif Seni Tekat

Motif dalam seni tekat Melayu diilhamkan daripada tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang diringkaskan menjadi motif flora, fauna, geometri dan awan larat. Motif flora menjadi pilihan penekat berbanding motif fauna dan geometri. Antara motif yang menjadi pilihan ialah motif bunga cempaka, bunga anggerik, bunga kenanga, bunga lawang dan bunga padi.

**Motif Bunga Kemboja**




### Info

Motif haiwan yang sering digunakan ialah motif ayam, serangga dan unggas. Manakala motif geometri yang terkenal ialah pucuk rebung, garis huruf S, segi empat dan corak banji.

**Motif Bunga Kenanga**



**Motif Bunga Anggerik**



## Fungsi Tekat

### Tradisional

- Digunakan sebagai pakaian, perhiasan dan perkakasan golongan diraja.
- Seni tekat tradisional menjadi lambang kebesaran raja-raja Melayu.
- Barang yang dihasilkan adalah seperti sarung bantal, kasut, tepak sirih, kipas pengantin, tudung saji, tirai pintu dan sebagainya.



### Dimensi Baharu

- Seni tekat dimensi baharu dihasilkan mengikut cita rasa semasa.
- Hasil seni tekat digunakan dalam upacara perkahwinan, pertunangan, kelahiran, perhiasan diri, berkhatan dan khatam al-Quran.
- Barang yang dihiaskan dengan seni tekat terkini seperti hiasan dinding, beg, kotak aksesori, bingkai foto, hiasan kulit buku dan sebagainya.



• Guru menerangkan fungsi seni tekat.

## Seni Tekat Tradisional

Seni tekat tradisional dihasilkan menggunakan kerja tangan sepenuhnya. Perkembangan seni tekat bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hasil tekat dijadikan pakaian kebesaran dan adat kelengkapan dalam kalangan kerabat diraja.

Benang emas atau benang perak digunakan melalui teknik tekat dengan mengekalkan motif hiasan klasik. Produk seni tekat tradisional yang masih digunakan seperti alas tempat tidur, langsir, tirai pintu, sapu tangan, kipas tangan pengantin dan lain-lain.



## Seni Tekat Dimensi Baharu

Seni tekat dimensi baharu menggunakan bahan tambahan seperti logam, kayu, kulit, rantai dan lain-lain digabungkan dengan seni tekat tradisional untuk menghasilkan kraf cita rasa semasa dan terkini.

Dimensi baharu dalam seni tekat termasuk ciptaan untuk kelengkapan rumah seperti hiasan dinding, alas meja atau bingkai foto. Terdapat juga aksesori seperti bekas serba guna, bekas barang emas, beg tangan, locket, rantai kunci dan sebagainya.

Teknik tekanan benang berwarna-warni juga merupakan dimensi baharu dalam seni tekatan. Motif hiasan klasik diubah suai dan hiasan baharu direka cipta untuk memenuhi fungsi dan trend semasa.



## Alat dan Bahan


### Kain baldu (irasan)

Kain yang dijadikan dasar tekanan.



### Pemidang tekan

Pemidang yang dibuat daripada kayu dan berkaki digunakan untuk meregang kain dan memudahkan proses menekat.



### Jarum chenille

Digunakan untuk menjahit benang putih pada kain irasan.



### Kain kapas

Digunakan untuk menggalas kain baldu yang diregang pada kayu pemidang.



### Mempulur

Digunakan sebagai isi tekat yang bermotif.



### Benang emas atau perak

Digunakan untuk tekanan pada isi tekat yang bermotif.



### Geligin

Kayu bercabang digunakan untuk melilit benang emas atau perak.



### Benang kapas

Digunakan untuk mengikat benang emas yang menutupi mempulse.



- Guru menyenaraikan media, bahan, proses dan teknik dalam penghasilan seni tekat tradisional dan dimensi baharu.

**Pisau pemotong**

Digunakan untuk memotong mempurul.

**Tali**

Digunakan untuk meregang kain kapas pada pemidang.

**Lilin**

Digunakan untuk melicinkan bahagian permukaan mempurul.

**Gunting**

Digunakan untuk memotong kain dan benang.

**Gam kanji**


Digunakan untuk melekatkan kain baldu di atas kain pemidang.

**Papan tebuk**

Digunakan sebagai pelapik semasa memotong mempurul.

**Mounting board**

Digunakan untuk melilit benang emas.



## Proses Penghasilan Seni Tekat





## Aplikasi Seni

### Kotak Aksesori

#### Alat dan Bahan

- Pemidang kayu berkaki
- Gelingin
- Benang emas
- Benang kapas
- Jarum
- Kain baldu
- Pisau pemotong
- *Mounting board*
- Mempulur
- Lilin
- Gam kanji
- Tali
- Kain kapas
- Kotak aksesori
- Gunting

#### Langkah-langkah Penghasilan


##### Proses Penyediaan Mempulur

1



Melakar motif bunga cempaka pada kemaga.

2




Lilin digunakan untuk melicinkan bahagian permukaan mempullur supaya proses memotong menjadi lancar.

3



Memotong motif bunga cempaka yang telah siap dilakar pada kemaga.



Mempullur yang telah siap.


## Proses Penyediaan Pemidang Tekat dan Kain Baldu



- 1 Kain diregang pada pemidang. Bagi tujuan tersebut, kain diikat dengan menggunakan tali pada kempat-empat sisi.



Hasil langkah 1.



- 2 Sapukan gam kanji pada kain. Kemudian, letakkan kain baldu di atas kain yang telah diletakkan gam.

## Proses Penyediaan Benang Emas



- 1** Sediakan lima keping *mounting board* yang telah dipotong berukuran 2 inci x 3 inci. Lilit benang emas pada setiap keping dengan ukuran panjang yang sama.

- 2** Satukan kelima-lima urat benang emas dan lilitkan pada geligin.



## Proses Menjahit Mempulur



- 1** Mempulur diletakkan di atas permukaan kain baldu.

- 2** Mempulur dijahit di atas kain baldu untuk memastikan mempulur tidak bergerak semasa proses menekat dilakukan.

## Proses Menekat



- 1** Benang emas direntaskan di atas mempulse dan dijahitkan dengan teknik susup.

Bagi memastikan kekemasan, proses jahitan benang kapas disisipkan ke bawah mempulse.



- 2** Sebelum meneruskan tekanan, pastikan pemegang mempulse dipotong dengan teliti.



- 3** Ulang proses menekat sehingga menutup keseluruhan mempulse.



- 4** Benang emas dipotong dengan teliti.



- 5** Setelah selesai proses menekat, gam disapu di bawah kain pemidang untuk mematikan benang.



- 6** Setelah gam kering, gunting hasil tekanan yang telah siap.

### Hasil Produk



Hasil tekanan yang telah siap digamkan pada kotak aksesori. Pastikan lebihan kain baldu dikemaskan.



#### Ingat

Aspek kebersihan dan keselamatan haruslah diutamakan sepanjang menjalankan aktiviti.



### Hasil Kerja

1. Setiap orang murid diminta mempersembahkan hasil produk seni tekat masing-masing.
2. Semua hasil produk seni tekat murid dipamerkan di satu sudut.
3. Setiap murid perlu mendapatkan maklumat hasil tekatan daripada rakan-rakan yang lain dan dicatatkan dalam buku nota masing-masing.
4. Murid membuat apresiasi seni berpandukan pengalaman sendiri sewaktu menghasilkan produk seni tekat.
5. Guru membuat penilaian dan memberikan maklum balas.





## Rumusan

Seni tekat merupakan proses tekatan benang emas atau benang perak secara berulang-ulang sehingga menutupi membulur pada kain baldu untuk menghasilkan motif hiasan timbul.

### Motif-Motif Seni Tekat

1. Motif Bunga Kemboja
2. Motif Bunga Kenanga
3. Motif Bunga Anggerik

### Fungsi Tekat

#### Tradisional

Digunakan sebagai pakaian, perhiasan dan perkakasan golongan diraja.

#### Dimensi Baharu

Digunakan dalam upacara perkahwinan, pertunangan, kelahiran, perhiasan diri, berkhatan dan khatam al-Quran.

### Proses Seni Ukiran

Penyediaan  
Mempulur

Penyediaan  
Pemidang Tekat  
dan Kain Baldu

Penyediaan  
Benang Emas

Hasil Produk


Proses Menekat

Menjahit Mempulur



## Latihan 1

Gambar di bawah adalah hasil tekatan daripada empat sumber motif. Berdasarkan hasil tekatan berikut, cuba anda hasilkan mempulur bagi setiap hasil tekatan di ruangan yang telah disediakan. Untuk petak yang ke-5, gunakan sumber ilham yang diberi untuk dijadikan motif bagi seni tekat.




- Guru boleh menyediakan bunga lawang sebagai sumber rujukan murid.



## Latihan 2

Teka silang kata.




### Menegak

1. Kain khas untuk seni tekat.
2. Alat untuk meregang kain.
3. Bahan yang digunakan untuk melicinkan bahagian permukaan membulur supaya proses memotong menjadi lancar.
4. Salah satu barang yang merupakan seni tekat tradisional.
5. Alat yang digunakan sebagai isi tekat yang bermotif.

### Melintang

6. Proses ukiran yang memperlihatkan kayu ditebuk terus.
7. Sejenis silat dalam ukiran kayu.
8. Ukiran berbentuk bulat dengan susunan gerlang-gerlang dan genting-genting yang menarik.
9. Kayu untuk melilit benang.

# FOLIO REKA BENTUK



# Modul 7

# FOLIO SENI KREATIF

## 7.1 FOLIO REKA BENTUK

### STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- 7.1.1 Memilih hasil rekaan.
- 7.1.2 Mengelaskan urutan dalam penghasilan rekaan dalam folio reka bentuk.
- 7.1.3 Menjelaskan rekaan melalui penyusunan hasil mengikut kandungan tugas yang ditetapkan.
- 7.1.4 Menghasilkan rekaan folio reka bentuk dengan menggunakan asas seni reka.
- 7.1.5 Mempamerkan serta menceritakan hasil rekaan.



## Folio Reka Bentuk


Folio reka bentuk digunakan untuk menyimpan koleksi bahan-bahan atau proses kerja dan hasil karya murid. Selain itu, folio juga penting untuk menyimpan atau mendokumentasikan bahan bukti. Bentuknya boleh dipelbagaikan sama ada dalam bentuk sampul, album, atau kertas berjilid.

### Format Folio Reka Bentuk

Pada setiap folio perlu ada perkara-perkara berikut untuk memudahkan pencarian, iaitu:

- Judul Folio
- Nama Murid
- Kelas
- Tahun
- Nama Guru
- Nama Sekolah

### Langkah-langkah Penghasilan Folio Reka Bentuk



#### Nota Guru

- Guru meminta murid memilih hasil rekaan.
- Guru mengelaskan urutan dalam penghasilan folio reka bentuk yang perlu dihasilkan oleh murid.




## Aplikasi Seni


### Folio Reka Bentuk

#### Alat dan Bahan

- Pensel
- *Cutting mat*
- Pisau NT
- Pembaris
- Pensel warna
- *Mounting board*
- Pen teknikal
- Kertas A4
- Pemadam



1. Sediakan pelan reka letak folio. Hasilkan pelan di atas kertas A4 dengan memastikan ukuran sebenar yang akan dihasilkan.
2. Dengan merujuk pelan reka letak folio, lakarkan pelan sebenar di atas *mounting board*.




3. Potong mengikut garisan yang telah ditandakan.

Hasil langkah 3.




#### Ingat

Aspek kebersihan dan keselamatan haruslah diutamakan sepanjang menjalankan aktiviti.




4. Lipat mengikut garisan dengan kemas.



5. Kajian muka taip.  
Tajuk folio anda perlu mengikut tugasan yang diberi.



6. Kemaskan dan hias folio anda. Anda boleh hias folio dengan pelbagai cara seperti mewarna, menampal keratan kertas diikuti dengan gambar.



7. Masukkan butiran-butiran penting seperti:
- Tajuk folio
  - Nama
  - Kelas



8. Portfolio anda hendaklah dimasukkan ke dalam folio yang dihasilkan untuk penilaian akhir.

Pamer folio anda dan ceritakan pengalaman anda menghasilkan folio tersebut.



# Glosari

**Abstrak** tidak dapat dilihat atau tidak dapat dirasa dengan pancaindera tetapi hanya ada dalam fikiran (tentang sesuatu pengertian seperti kesetiaan, kecantikan).

**Akrilik** sejenis cat (yang digunakan oleh pelukis).

**Anatomi** (ilmu tentang) struktur fizikal manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan.

**Animasi** 1. Perbuatan atau proses menjadikan sesuatu kelihatan hidup. 2. seni atau proses menyediakan gambar-gambar kartun yang kelihatan hidup.

**Arca** patung yang dibuat daripada batu yang dipahat dan menyerupai bentuk sesuatu.

**Asimilasi** satu proses percantuman dan penyatuan antara kumpulan etnik berlainan budaya sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama.

**Cokmar** 1. Tongkat yang biasanya disalut dengan logam serta berukir indah dan digunakan sebagai tanda kebesaran atau kekuasaan (dalam upacara-upacara tertentu seperti sewaktu memulakan persidangan parlimen). 2. Tongkat besar yang kepalanya dibuat berduri-duri dan digunakan sebagai senjata.

**Demonstrasi** Pertunjukan dan penerangan tentang cara-cara menggunakan (alat dan lain-lain) atau cara-cara melakukan sesuatu.

**Dimensi** 1. Ukuran saiz sesuatu (seperti tinggi, panjang, lebar) atau garis pusat. 2. Aspek.

**Ekspresi** air muka pada wajah seseorang yang menunjukkan perasaan hatinya.

**Eksplorasi** penjelajahan ke lapangan untuk memperoleh sesuatu: melalui pengamatannya.

**Estetik** keindahan atau penghargaan terhadap keindahan (terutamanya dalam bidang seni).

**Figura** perwakilan (representasi) (terutamanya bentuk manusia) dalam lukisan atau ukiran.

**Gazebo** sejenis pondok kecil tanpa dinding, yang terletak di taman rekreasi, di halaman rumah dan sebagainya, tempat orang berehat, menikmati pemandangan sekeliling dan sebagainya.

**Geligin** kayu pada alat tenun tempat menggulung benang.

**Geometri** sains tentang perhubungan dan sifat-sifat garisan, sudut, permukaan dan bongkah.

**Humanisme** 1. Sifat perikemanusiaan. 2. Faham (pendirian, sistem, dan sebagainya) yang mengutamakan nilai-nilai, kepentingan, dan maruah manusia (dan tidak mementingkan nilai-nilai atau kekuasaan lain).

**Idealisme** hasrat atau cita-cita yang unggul tetapi tidak realistik (tidak berkemungkinan tercapai atau menjadi kenyataan), hasrat atau cita-cita yang lebih merupakan impian.

**Impasto** (S.Lukis) teknik penggunaan cat yang tebal pada lukisan.

**Individualistik** bersikap sebagai individualis (tidak dikuasai atau dikongkong oleh golongan atau pihak lain), bersifat individu, berasaskan atau berpegang pada individualisme.

**Instalasi** 1. Istiadat pelantikan (penabalan). 2. Perihal mengatur (memasang) alatan rumah.

**Interaktif** 1. Saling bertindak, berhubung dan sebagainya antara satu sama lain 2. Membolehkan pengaliran maklumat dua hala yang berterusan antara komputer dengan penggunaannya, atau antara pengguna dengan pengguna melalui komputer.

**Inventori** senarai terperinci barang-barang yang terdapat di tempat tertentu (pejabat, kedai, dan lain-lain).

**Kolaj** 1. Teknik atau cara membuat gambar daripada pelbagai jenis bahan seperti cebisan kertas, cebisan kain dan gambar foto yang bewarna-warni, yang dicantumkan dan dilekatkan pada kertas dan sebagainya. 2. Gambar yang dihasilkan daripada cantuman cebisan kertas, cebisan kain, gambar foto dan sebagainya yang berwarna-warni dan dilekatkan pada kertas dan sebagainya.

**Komposisi** campuran atau gabungan bahan untuk membentuk sesuatu bahan lain.

**Konseptual** berkaitan dengan (mengenai) konsep, berasaskan konsep.

**Kontemporari** pada masa yang sama, semasa atau sesama (dengan seseorang atau sesuatu), pada masa kini.

**Konvensional** 1. Berdasarkan yang biasa dilakukan atau diamalkan; mengikut atau sebagaimana yang ditentukan oleh konvensi. 2. Tidak melibatkan penggunaan tenaga nuklear, kimia, biologi dan sebagainya (bukan perangangan, senjata dan sebagainya).

**Landskap** catan, lukisan, dan sebagainya yang menggambarkan pemandangan alam.

**Linear** 1. Berkaitan dengan atau berbentuk seperti garis-garis. 2. Berkaitan dengan (ukuran) panjang, mis meter, kaki dan inci.

**Linsid** biji pokok flaks yang dapat menghasilkan minyak.

**Pergola** binaan (struktur) yang berupa junjung atau gerbang daripada kayu atau besi, biasanya terdapat di taman, yang diliputi tumbuh-tumbuhan memanjang dan kadangkala dapat dijadikan lorong pejalan kaki bertutup.

**Peribumi** penduduk asli, bumiputera.

# Rujukan

- Aminudin Mohamed, (2016). *Asas Multimedia Pendidikan Khas Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Tintarona Publications Sdn. Bhd.
- Baharuddin Bin Mohd. Arus, (2000). *Kraftangan Tradisi Satu Transformasi. Dalam Prosiding Konvokesyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual*. Kuala Lumpur.
- Datuk Anthony Ratos, (2006). *Orang Asli and Their Wood Art*. Marshall Cavendish Editions.
- Elizabeth Boult & Sullivan Chip, (2010). *Illustrated History of Landscape Design*. New York: John Wiley & Sons.
- Farish A.Noor and Eddin Khoo, (2003). *(Spirit of Wood)-The Art of Malay. Woodcarving*, Peripulus Edition (HK) Ltd.
- Ismail R.Al Faruqi and Loui Lamya Al Faruqi, (1992). *Atlas budaya Islam, Ed. Terjemahan BM* Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Kathleen Chee, (2012). *Fokus Sukses SPM Tingkatan 4 dan 5*. Selangor Darul Ehsan.
- Kathleen Chee, (2008). *Pendidikan Seni Visual*. Bangi: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Maxwell & Robyn, (1994). *Textiles of South East Asia: Tradition, trade and transformation*. Kuala Lumpur: Australian National Gallery.
- Mohd.Kassim Ali, (1990). *Barang Kemas Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustapha Mohammad, (1998). *Perkembangan Seni Ukir- Warisan Kelantan 1*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Malaysian Timber Industry Board, (1990). *'Beauty in Traditional Use of Timber'*, Kuala Lumpur: MTIB.
- Muhammad Afandi Yahya, (1995). *'Simbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu'*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muzium Negara, (1974). *'Seni Ukiran Kayu Tradisional Semenanjung Malaysia'*. Kuala Lumpur: Yau Seng Press.
- Nor Azian, Mohd Hanafiah, (2008). *Amalan Pengurusan Landskap Yang Efektif: Kajian Kes Projek Taman Rekreasi Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak*. Unpublished Master Thesis. Universiti Sains Malaysia.

- Norazit Selat, (2001). 'Rumah Sebagai Manifestasi Jati Diri Melayu', *Koleksi kertas kerja Seminar Sehari: Seni Bina dan Seni Ukiran Melayu*, Fakulti Alam Bina, University Malaya.
- Norzehan Adli bin Muhammad, (2009). *Seni Kraf Kayu; Motif dan Teknik*. Selangor: Institute Craft Negara.
- Norseha Unin, (2012). *The Keringkam Veil of Sarawak. Craft*.
- Shamsul Amri Baharuddin, (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Siti Zaiton Ismail, (1986). *Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zailani Yaacob & Azimah A. Samah, (2004). *Pendidikan Seni Visual*. Shah Alam: Penerbit Fajar Sdn. Bhd.
- Zulkifli Hanafi, (2000). *Pola-Pola Hiasan di dalam Bangunan Tradisi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

<b>Skim Pinjaman Buku Teks</b>			
<b>Sekolah</b> _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Murid yang Menerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
<b>BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL</b>			

